



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN [Ruangan 1693]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1974 dan 1976):

Jawatankuasa—

Kepala B. 43 (Jadual Kedua) [Ruangan 1728]

Kepala B. 41 (Jadual Pertama) [Ruangan 1732]

Kepala B. 47 (Jadual Kedua) [Ruangan 1735]

Kepala B. 49 (Jadual Pertama) [Ruangan 1757]

Kepala B. 49 dan B. 52 (Jadual Kedua) [Ruangan 1757]

Kepala B. 64 dan B. 65 (Jadual Kedua) [Ruangan 1768]

USUL:

Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil. 4), 1974:

Jawatankuasa—

Kepala P. 43 [Ruangan 30]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN,
D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN
MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD.
ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL
GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K.,
P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.M. TENKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu)
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).

Yang Berhormat PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).

- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGKLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 7hb Julai, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

PEMAJU-PEMAJU PERUMAHAN

1. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa pemaaju-pemaaju perumahan sekarang membuat rumah dengan mengambil keuntungan yang berlipatganda dengan cara melambat-lambatkan kerja penyiapannya di luar jangka waktu yang dijadualkan, dan jika ya, apakah tindakan-tindakan yang Kerajaan telah ambil terhadap mereka.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat tentulah sedar bahawasanya pembelian rumah merupakan satu urusan (transaction) di antara dua pihak (pemaaju perumahan dan pembeli). Akan tetapi, untuk memastikan agar kepentingan pembeli terjamin, pihak Kerajaan telah mensyaratkan dalam Kaedah 12(1) Kaedah-kaedah (Mengawal dan Melesen) Pemaaju Perumahan, 1970 iaitu tiap-tiap kontrak penjualan di antara pemaaju perumahan dan pembeli mestilah bertulis serta mengandungi beberapa peruntukan minima (21 semuanya).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya petikkan di bawah ini peruntukan-peruntukan yang sesuai mengikut Kaedah 12 (1) berhubung dengan tarikh penyerahan dan kelewatan penyerahan rumah oleh pemaaju perumahan:

“12. (1) Tiap-tiap kontrak penjualan hendaklah dengan bertulis dan hendaklah

mengandungi mengikut syarat-syarat peruntukan-peruntukan yang memberi kesan berikut, iaitu:

- (o) peruntukan-peruntukan yang menentukan tarikh penyerahan pemilikan rumah tempat tinggal itu kepada pembeli dan tarikh itu tidak boleh lewat daripada lapan belas bulan selepas tarikh kontrak penjualan itu ditandatangani.
- (r) peruntukan-peruntukan yang mengikatkan pemaaju perumahan berlesan itu menyatakan bahawa ia akan mengganti rugi pembeli itu bagi apa-apa kelengahan tentang penyerahan pemilikan rumah tempat tinggal itu. Jumlah ganti-rugi itu hendaklah dikira dari sehari ke sehari dengan kadar tidak kurang daripada lapan peratus setahun daripada harga beli yang bermula selepas sahaja tarikh penyerahan pemilikan sebagaimana ditetapkan dalam kontrak penjualan.”

Apakala peruntukan-peruntukan ini dimasukkan dalam kontrak penjualan, pemaaju perumahan adalah terikat untuk menyerahkan rumah itu tidak lewat daripada 18 bulan dari tarikh kontrak penjualan itu ditandatangani dengan pembeli. Andainya pemaaju perumahan gagal untuk menyerahkan rumah itu dalam tempoh waktu yang ditentukan dalam kontrak penjualan itu, maka ia mungkin telah melanggar syarat kontrak itu dan bertanggungjawab untuk membayar ganti-rugi kepada pembeli mengikut cara yang ditentukan di dalam peruntukan yang telah disebutkan di atas tadi.

Memandangkan bahawa peruntukan-peruntukan di atas ini perlu dimasukkan ke dalam tiap-tiap kontrak penjualan, saya tidak nampak bagaimana pihak pemaaju perumahan boleh menurut kenyataan Ahli Yang Berhormat “mengambil keuntungan

yang berlipatganda dengan cara melambatkan kerja penyiapannya rumah-rumah." Lainlah jika pihak pemaju perumahan itu bertindak di luar kuasa undang-undang seperti tersebut di atas tadi. Andainya perkara seumpama itu berlaku maka pihak pembeli patutlah membuat keputusan sendiri samada hendak membawa sungutannya itu ke mahkamah ataupun melaporkan kepada pihak yang berkuasa yang tertentu.

Saya suka memberi pengakuan bahawa Kementerian saya akan menyiasat mana-mana kes penyelewengan yang dilaporkan kepadanya; serta ia akan memberi nasihat kepada pembeli yang berkenaan tentang langkah yang wajar diambil olehnya, andainya pengaduan yang dibuat olehnya itu didapati munasabah.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar selain daripada kelewatan pembinaan rumah, ada cara lain pemaju itu boleh menipu pembeli rumah iaitu mereka boleh menggunakan Variation Clause. Ini bermakna dia boleh mengatakan bahawa semua harga benda-benda telah dinaikkan oleh itu majikan boleh menaikkan harga rumah itu.

Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menjelaskan apakah tindakan Kementerianannya akan ambil terhadap orang yang berbuat demikian.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini mengikut sebagaimana keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, mengikut perjanjian antara kedua pihak. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Apa yang saya telah jawab tadi iaitu transaction pembelian itu iaitu perjanjian di antara pemaju perumahan dengan pembeli.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sedar satu daripada kelambatan penyediaan rumah ini ialah kerana kelambatan pihak-pihak yang berkuasa tempatan, misalnya, Pejabat Tanah atau Kerajaan Negeri atau Majlis Bandaran menyegerakan samada Q. T. ataupun subdivision dan kelambatan ini menyebabkan

harga rumah itu mahal. Jika sedar apakah tindakan yang akan dijalankan oleh Kementerian ini untuk mengatasi keadaan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan itu lain daripada soal asal.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Timbalan Menteri menyatakan samada satu undang-undang khas diberikan kepada Menteri untuk melindungi pembeli-pembeli rumah daripada pemaju-pemaju, dan kalau tidak dapatkah ia menimbangkan untuk memperkenalkan satu undang-undang supaya langkah-langkah yang ketat dapat dijalankan kepada mereka yang bersalah.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang yang ada kini adalah memadai di bawah Akta dan kaedah-kaedah mengawal dan lesen pemaju perumahan untuk mengawal transaksi jual dan beli antara pemaju dengan pembeli, tetapi jika ada sebab-sebab yang menasabah yang menunjukkan peruntukan-peruntukan undang-undang itu masih belum mencukupi, Kementerian saya sedia membuat peraturan-peraturan tambahan bagi mengetatkan kuasa undang-undang itu bagi menjamin transaksi jualbeli yang lebih wajar lagi.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri samada pada masa ini Kementerianannya ada cukup kakitangan dan segala kemudahan untuk mengawas, mengawal dan melaksanakan undang-undang yang ada setakat sekarang. Saya timbulkan ini kerana orang ramai telah maklum, tetapi nampaknya langkah-langkah belum dijalankan samada di Pulau Pinang, samada di Perak, samada di negeri Selangor yang melanggar undang-undang terang-terang yang sudah dilaporkan dalam surat khabar tetapi belum ada apa-apa langkah dijalankan oleh Kementerian, mungkin kerana tidak cukup kelengkapan, kakitangan dan sebagainya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang sangat soalnya. Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat menyatakan tidak mengambil apa-apa langkah itu, saya

menafikan memanglah kalau dikaji pegawai-pegawai itu tidak mencukupi, tetapi langkah-langkah mengenai dengan penyelewengan dan sebagainya diambil tindakan dan rancangan perumahan itu kita telah dapat kerjasama dengan Kerajaan Negeri dan Berkuasa Tempatan bagi melaksanakan dan mereka boleh menolong rancangan perumahan itu.

PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI

2. Dr Tan Chee Khoon minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau boleh menjelaskan kenyataannya mengenai Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan apakah tindakan yang telah diambil oleh beliau sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn): Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya di pembukaan Seminar Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri pada 22hb April, yang lalu, saya ada menyebut tentang aktiviti Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang masih belum memuaskan. Setengah-setengahnya pula menyeleweng daripada Dasar Ekonomi Baru. Ini bukanlah bermakna tidak ada kejayaan langsung yang telah dibuat oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri ini untuk mendorong penyampaian Dasar Ekonomi Baru itu. Yang dimaksudkan ialah pencapaiannya di bawah pengharapan orang ramai (it is below the expectation of the people).

Sebagai contoh, beberapa banyak peluang perniagaan dan perumahan telah diadakan oleh PKEN tetapi rakyat mahu kejayaan-kejayaan yang lebih pesat dan nyata dicapai untuk menemui penyampaian objektif Dasar Ekonomi Baru itu. Seminar yang telah diadakan itu telah berjaya membuat rumusan yang boleh dijadikan panduan dan dasar pelaksanaan aktiviti Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri untuk menambah kesannya dalam usaha-usaha penyampaian Dasar Ekonomi Baru di masa depan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Saya hendak jelaskan Tuan Yang di-Pertua, soalan saya bukan bermaksud tiada kejayaan yang dicapai oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri masing-masing. Cuma saya tidak berpuas hati juga umpama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang apa yang berlaku atas Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar oleh kerana di dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri masing-masing akan diberi bukan beratus-ratus, barangkali beribu-ribu juga apa tindakan Kerajaan akan mengambil supaya apa wang yang akan dibelanjakan sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru negeri kita.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat itu kepada soalnya. Soalnya berbunyi: minta saya menjelaskan kenyataan saya itu. Saya jelaskan kenyataan itu dan apa-apa langkah-langkah di dalam seminar itu dan sebelum seminar itu langkah-langkah telah dibuat bagi hendak membetulkan kalau ada penyelewengan kalau ada tindakan-tindakan perjalanan-perjalanan aktiviti-aktiviti perbadanan-perbadanan satu negeri itu tidak memuaskan, ini langkah-langkah kita mengambil. Saya menjelaskan macam mana yang dikehendakkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberi contoh kepada Yang Amat Berhormat

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak payah contoh, ini soal asalnya. Jadi, membuat soalan itu tidak mengikut sebagaimana yang dikehendaki oleh hati Yang Berhormat.

Dr Tan Chee Khoon: Ya, saya hendak memberi contoh kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya hendak beri contoh satu negeri iaitu Negeri Selangor, P.K.N.S. dan juga UDA, kedua-duanya ada membina rumah. Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, P.K.N.S. dan juga UDA ada membina rumah yang boleh dikatakan untuk orang yang kaya, tetapi saya percaya tujuan Kerajaan ialah untuk orang yang miskin dan kedua-duanya membina rumah kepada orang yang kaya di tanahair kita. Apa langkah Kerajaan akan diambil supaya ini tidak berlaku?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjelaskan iaitu pertanyaan asalnya minta jelaskan kenyataan Yang Amat Berhormat, jadi telah diterangkannya. Berhubung dengan itu soal yang kedua ialah

tindakan diambil sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru, sudah juga dijelaskan. Contoh rumah ini sebagai satu contoh sahaja, melainkan kalau Yang Amat Berhormat hendak menjawabnya.

Perdana Menteri: Soalan ini umum dan jika Ahli Yang Berhormat itu ada satu-satu tujuan sebagaimana yang diberi contoh, tolonglah buat soalan itu menepati sesuatu soalan itu jadi dapatlah saya menjawabnya. Soalan Yang Berhormat itu umum dan minta penjelasan saya menjawab secara umum dan memberi penjelasan. Kalau ada sesuatu masalah yang tepat sebagai rumah, rumah murah, rumah mahal, kalau diberikan soalan semacam itu dapatlah saya menjelaskan dan saya harap memuaskan hati Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ooi Gin Sun.

Tuan Ooi Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya menarik balik soalan yang ke 3.

(Soalan No. 3 ditarik balik)

CUKAI PENDAPATAN PERSENDIRIAN

4. Dr Hee Tien Lai minta Menteri Kewangan menyatakan adakah beliau mempunyai apa-apa rancangan untuk mengkaji sistem cukai pendapatan persendirian seperti di bawah ini:

- (a) Elaun yang diberi pada tiap-tiap bayaran cukai pendapatan;
- (b) Elaun yang diberi kepada anak-anak;
- (c) Elaun yang diberi kepada premium insurance yang dibayar;

Jika tidak, kenapa.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, soalan pelepasan persendirian dari cukai pendapatan telahpun diterangkan dalam Dewan ini pada 15hb April tahun ini dan juga pada petang semalam. Walau bagaimanapun, berhubung dengan perkara (c), saya akan menimbangkan perkara ini dengan lebih mendalam kerana pada masa ini Kementerian saya sendiri sedang mengkaji struktur cukai pada keseluruhannya.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya tidak hadir semalam, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat

Menteri yang berkenaan mengenai soalan (a). Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar cukai pendapatan kepada tiap-tiap orang sekarang \$2,000 earned income dan \$1,000 untuk isteri. Jadi ini bermakna jikalau suami-isteri dalam satu-satu keluarga tidak mempunyai anak dan pendapatannya lebih daripada \$3,000 mereka kena bayar cukai pendapatan. Ini

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat sebelum diteruskan soalan ini, semalam Yang Berhormat Menteri Kewangan sudah menjelaskan iaitu hendak mengkaji semula tentang struktur cukai pendapatan. Jadi tidak timbul lagi soal ini, Yang Berhormat tidak hadir semalam.

Dr Tan Chee Khoo: Saya tidak hadir, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya ada kuasa untuk bertanya oleh sebab

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya. Tetapi perkara yang sudah diterangkan semalam tidak boleh ditanya lagi hari ini.

SYARIKAT EMPAT NOMBOR EKOR BERHAD

5. Tuan Ngan Siong Hing minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan menimbangkan untuk memiliknegerakan Syarikat Empat Nombor Ekor Sdn. Bhd atau sebaliknya memansuhkan kerana ianya tidak memberikan sebarang kebaikan kepada negara ini.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Tuan S. Subramaniam) Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidaklah bercadang untuk memiliknegerakan Syarikat Empat Nombor Ekor Sdn. Berhad oleh kerana cadangan ini tidak selaras dengan dasar Kerajaan membenarkan perjalanan usahabebas di negara ini. Dalam pada itu, Kerajaan tidak juga bercadang untuk memansuhkan syarikat ini kerana sekiranya tindakan ini diambil ada kemungkinan kejadian judi haram akan bertambah dan sukar dikawal oleh Kerajaan.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan samada ia sedar bahawa Syarikat Empat Nombor Ekor Sdn. Bhd. hanya memberikan keuntungan kepada sebilangan kecil orang yang tertentu untuk menjadikan mereka lebih kaya dan lesen untuk menjual tiket-tiket

tidak begitu mudah untuk diperolehi, melainkan seseorang itu benar-benar berpengaruh. Oleh itu, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menimbangkan langkah-langkah yang tertentu supaya dapat membagi-bagi keuntungan untuk kebaikan rakyat dan negara dan juga menyiasat cara-cara mengeluarkan lesen-lesen menjual tiket tersebut.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini merupakan satu soalan asing dan pokok. Tetapi bolehlah kalau Yang Berhormat hendak menjawab.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, Syarikat Empat Nombor Ekor Sdn. Bhd. ialah satu syarikat yang public dan siapa-siapa yang berhasrat membeli saham bolehlah beli.

Keduanya, Ahli Yang Berhormat minta satu siasatan, ini boleh dijalankan.

Tuan Ngan Siong Hing: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau Kerajaan tidak mahu memiliknegerakan Syarikat Empat Nombor Ekor Sdn. Bhd. ini, saya ingin tahu samada Kerajaan hendak memiliknegerakan Syarikat Empat Nombor Ekor itu jadi satu Jabatan untuk Kementerian Kebajikan dan Masyarakat.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau dapat menjelaskan samada pemberian lesen kepada Syarikat Empat Nombor Ekor Sdn. Bhd. ialah secara monopoli pada satu badan sahaja ataupun ini ialah dasar Kerajaan boleh membebaskan perjalanan perdagangan secara ini yang boleh menahan dan membasmikan judi secara haram supaya terkawal dan Kerajaan dapat mengutip hasil, diberi juga kemudahan-kemudahan itu kepada syarikat-syarikat lain yang seumpama ini supaya mereka juga dapat menjalankan kerja untuk menolong Kerajaan mengawal judi haram.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan ini tidak jelas. Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak dapat hendak jawab.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya saya tidak soal, saya cuma berpendapat daripada jawapan tadi iaitu dasar Kerajaan tidak mahu memiliknegerakan (nasionalise). Jadi, ini satu dasar yang ditujukan untuk membasmikan atau mengurangkan judi secara haram yang tidak terkawal, ini adalah sebagai tujuan baik. Tetapi pada waktu sekarang (at the moment) cuma satu sahaja syarikat yang menjalankan kerja ini merupakan monopoli. Adakah Kerajaan bertujuan atau berniat supaya memberikan lesen semacam ini kepada lain-lain syarikat supaya dapat membantu Kerajaan mengadakan usaha perniagaan yang juga boleh mengutip hasil dan sementara itu dapat mengawal cara-cara judi supaya tidak ada lagi judi haram.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak ada cadangan-cadangan seperti itu, tetapi ini boleh ditimbangkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau boleh ditimbangkan nanti ramai yang hendak meminta lesen. (*Ketawa*)

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa Syarikat Empat Nombor Ekor Sdn. Bhd. ialah public company. Tetapi sepanjang yang saya tahu Syarikat Empat Nombor Ekor Sdn. Bhd. ini ialah satu private limited company, iaitu di mana pemegang sahamnya tidak boleh lebih daripada 52 orang. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Empat Nombor Ekor Sdn. Bhd. ialah satu syarikat yang public dan sedang dilisted sebagai satu public company.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Soalan tambahan. Maksud saya dalam soalan ini ialah Syarikat Empat Nombor Ekor Sdn. Bhd. "Sendirian" maknanya private, mengikut undang-undang syarikat tidak boleh lebih daripada 52 orang pemegang saham. Jadi, itu saya minta penjelasan. Kalau public company lain, ini private company, kecuali kalau ini silap taip. Saya minta penjelasan.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, company ini ialah satu listed company dan semua yang hendak membeli saham-saham boleh beli, itu yang saya hendak terangkan.

Tuan Ngan Siong Hing: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beri tahu berapa cawangan Syarikat Empat Nombor Ekor Sdn. Bhd ada di kampung-kampung dan pekan-pekan kecil?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu berkehendakkan notis.

Tuan Mohd Idris bin Haji Ibrahim: Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri samada beliau sedar bahawa soalan yang dibawa ini adalah salah, sebab Syarikat Empat Nombor Ekor itu Syarikat Berhad sepatutnya perkataan Sendirian tidak ada, tidak sepatutnya ditulis dalam soalan ini dan samada dia sedar atau tidak?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan pada siapa?

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Kepada Timbalan Menteri.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, beliau sudah menerangkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Siapa yang betul?

Tuan S. Subramaniam: Dia betul. (*Ketawa*).

Perdana Menteri: Betullah, Syarikat Empat Nombor Ekor itu ialah Syarikat bukan Sendirian tetapi Berhad (Public Company). Ahli-ahli Yang Berhormat mengetahui sangat, perkara ini "listed in the stock exchange". Ianya boleh dibeli. Jadi yang bertanya itu yang salah. Yang ditulis di sini betul satu perkataan bagaimana yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kalau ditaruh Sendirian Berhad di situ, di-taruhlah Sendirian Berhad, tetapi benda itu bukan Sendirian (Private), ia Public Company, walaupun ditaruh Sendirian.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam

Negeri ada menyatakan bahawa salah satu daripada sebab orang membunuh diri ialah sebab kalah judi. Saya suka hendak bertanya samada ada orang yang telah membunuh diri disebabkan kalah judi Empat Nombor Ekor. (*Ketawa*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu pun berkehendakkan notis. (*Ketawa*).

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN NEGERI SABAH

6. Tuan Haji Mohd. Taufek bin O. K. K. Haji Asneh minta Perdana Menteri menjelakan:

- (a) bilakah peruntukan pembangunan Negeri Sabah dapat dihantar bagi pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga;
- (b) berapa jumlah bagi peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kedua untuk pelaksanaan projek-projek bagi Negeri Sabah yang belum dibelanjakan; dan
- (c) samada peruntukan tersebut telah dihantar ke Sabah sebelum dihantar peruntukan untuk Rancangan Malaysia Ketiga.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Seperti yang mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Rancangan Malaysia Ketiga dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, 1976, akan dibahaskan oleh Dewan dalam Persidangan ini. Setelah diluluskan oleh Parlimen, pihak Perbendaharaan akan mengeluarkan satu Arahkan Umum kepada Akauntan Negara, Malaysia, membenarkan pegawai-pegawai berkenaan melaksanakan program-program dan projek-projek yang telah diluluskan.
- (b) Peruntukan yang telah dikaji semula dan diluluskan bagi Negeri Sabah dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua ialah sebanyak \$500.8 juta. Anggaran perbelanjaan yang telah dikaji semula bagi tempoh tersebut ialah sebanyak \$348.6 juta dan baki pada 31hb Disember, 1975 ialah sebanyak \$152.2 juta.

- (c) Saya suka menjelaskan di sini bahawa, baki peruntukan Rancangan Malaysia Kedua telah dimasukkan ke dalam Anggaran Sementara Pembangunan (Interim Development Estimates) 1976. Anggaran Sementara Pembangunan 1976 adalah bertujuan untuk menjamin supaya program dan projek-projek yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua, akan terus dilaksanakan, sementara menantikan kelulusan Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980) oleh Parlimen.

PIL PERANCANG KELUARGA

7. Tuan Hashim bin Ghazali minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar pil perancang keluarga telah dijual dengan berleluasan di negara ini, jika sedar adakah beliau akan mengambil tindakan bagi mengawal cara penjualan pil tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Haji Othman bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar adanya penjualan pil-pil perancang keluarga secara berleluasan di dalam negeri ini. Pil-pil ini adalah racun yang berjadual (scheduled poison) di bawah Ordinan Racun, 1952 dan hanya boleh diperolehi daripada klinik-klinik yang diuruskan oleh Lembaga Perancang Keluarga Negara, klinik-klinik yang diuruskan oleh Persatuan Perancang Keluarga, klinik-klinik di estet yang dibekalkan oleh Lembaga Perancang Keluarga Negara dan juga dispensari-dispensari doktor dan kedai-kedai farmasi-farmasi di bawah jagaan ahli-ahli farmasi yang didaftarkan.

Jika Ahli Yang Berhormat mengetahui tentang sebarang penjualan pil-pil ini secara berleluasa, dimintalah Yang Berhormat memberi keterangan-keterangan yang lebih tegas dan tepat kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk membolehkan beliau mengambil tindakan bersama dengan pihak Polis di bawah kuasa Ordinan Racun, 1952.

CARUMAN KWSP BAGI WANITA

8. Wan Zainab binti M. A. Bakar minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa wanita-wanita yang bekerja dengan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun tidak dapat mengeluarkan caruman KWSP mereka apabila mencapai umur 50

tahun kerana caruman ini hanya boleh dikeluarkan apabila mereka berumur 55 tahun dan jika ya, apakah tindakan yang beliau bercadang hendak ambil untuk membolehkan mereka menarik balik caruman apabila berumur 50 tahun.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa semua pekerja samada wanita atau pun lelaki tidak dapat mengeluarkan caruman mereka sepenuhnya apabila mencapai umur 50 tahun kecuali dapat memenuhi salah satu syarat-syarat seperti berikut:

- (i) Ahli itu meninggal dunia, atau
- (ii) Ahli itu telah meningkat umur 55 tahun; atau
- (iii) Ahli itu tidak berupaya dari segi mental atau fizikal untuk meneruskan mata pencarian hidup; atau
- (iv) Ahli itu meninggalkan Malaysia dengan niat tidak akan balik semula dan tidak pula berhajat untuk bermastautin di Singapura.

Tetapi pekerja itu boleh mengeluarkan 1/3 daripada caruman mereka dimasa umur 50 tahun. Cadangan Ahli Yang Berhormat itu adalah bertentangan dengan matlamat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang ditubuhkan untuk memberi jaminan dimasa tua pekerja-pekerja. Pada masa ini, saya tidak bercadang untuk meminda Undang-undang KWSP untuk membolehkan pekerja-pekerja wanita yang berumur 50 tahun mengeluarkan semua caruman mereka kerana bukan sahaja bertentangan dengan perinsip asal penubuhan KWSP tetapi juga dari kajian yang dijalankan oleh Kerajaan, pekerja-pekerja wanita masih boleh bekerja pada umur 50 tahun dan mereka masih boleh hidup di atas pendapatan atau gaji mereka. Caruman KWSP hanya boleh dikeluarkan apabila seseorang itu sudah bersara atau tidak mempunyai sumber pendapatan yang tetap.

RANCANGAN BUKU HIJAU

9. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Pertanian menyatakan adakah beliau sedar bahawa Rancangan Buku Hijau yang dilancarkan oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak tidak berjalan dengan lancar sekarang, dan jika ya, apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menjayakan Rancangan itu.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat setuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat itu, kerana pada hemat saya Rancangan Buku Hijau peringkat pertama yang dilancarkan oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak pada 20hb Disember, 1974 yang lalu telah pun mencapai kejayaan. Di antaranya :

- (1) Kesedaran rakyat dan pegawai-pegawai Kerajaan akan potensi pertanian.
- (2) Rakyat sedar perlunya bertindak atau berbuat sesuatu untuk menghadapi masalah ekonomi seperti stagflasi yang telah berlaku.

Dari analisa lapuran-laporan dari negeri-negeri di Semenanjung Malaysia ada kampung yang kadar penyertaannya dalam Rancangan Buku Hijau ini 100% dan ada pula penyertaannya yang agak kurang sedikit. Walau bagaimanapun, mengikut hitung panjang penyertaan di dalam Rancangan Buku Hijau ini adalah memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan terus menggalakkan bercucuk tanam dan berternak sekurang-kurangnya di sekitar rumah untuk keluarga masing-masing. Di dalam Rancangan Buku Hijau peringkat kedua yang tidak beberapa lama lagi dijangka akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bertujuan untuk meninggikan pendapatan peladang-peladang sebagai usaha membasmi kemiskinan dan meninggikan pengeluaran pertanian negara secara berperingkat-peringkat. Dalam Rancangan Buku Hijau peringkat kedua semua agensi Kerajaan akan bekerjasama secara integrated supaya memperoleh pengeluaran yang dirancang dengan cara moden, intensif dan juga commercial.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan samada ia sedar bahawa Rancangan Buku Hijau hanya tinggal di dalam buku sahaja kerana orang-orang yang diberi kuasa tidak mampu menjalankannya. Oleh itu, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menimbangkan untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas khusus untuk menjayakan perlaksanaannya?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan itu tak payah dijawab kerana dalam jawapannya itu tadi sudah mencukupi.

Dr Tan Chee Khoon: Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar ada orang yang memohon kebenaran daripada Pegawai Daerah untuk bercucuk tanam tetapi malangnya permohonannya ditolak. Apakah tindakan Kerajaan atau Kementerianannya akan ambil untuk menolong orang yang memohon tanah untuk bercucuk tanam itu?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Hendak bertanam di tanah orang atau tanah dia sendiri?

Dr Tan Chee Khoon: Tanah Kerajaan.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, tujuan besar Rancangan Buku Hijau ialah untuk keperluan makanan sendiri dan jika sekiranya dalam satu-satu kawasan ada tanah Kerajaan yang tidak digunakan maka pihak Jawatankuasa Kampung samada menerusi Koperasi-koperasi Peladang dalam kawasan itu boleh membuat permohonan dan ini terpulanglah kepada pihak Pegawai Daerah memikirkan samada tanah yang dipohon itu akan digunakan oleh Kerajaan ataupun tidak. Tetapi sepanjang yang saya ketahui di mana di peringkat-peringkat daerah memang Pegawai Daerah dengan sendirinya menjadi Pengerusi di dalam Rancangan Buku Hijau ini dan banyak telahpun memberi pertolongan di dalam memberi tanah secara T.O.L. kepada petani-petani yang ingin menanam tanaman-tanaman di kawasan masing-masing.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah beliau sedar bahawa masalah Rancangan Buku Hijau ini ada di antara orang ramai yang memohon tanah Kerajaan kononnya yang hendak membuat merancang Buku Hijau tetapi pada hari ini mereka ini terus menjadi setinggian di kawasan itu dan apakah tindakan Kerajaan tentang perkara ini?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Ini saya sedar dan tindakannya terpulang kepada Pegawai Daerah dan Kerajaan Negeri.

SIJIL CITY AND GUILDS OF LONDON INSTITUTE

10. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan mengiktiraf

sijil "City and Guilds of London Institute"; jika ya, samada beliau sedar pihak Lembaga Letrik Negara, Perak Hydro dan Syarikat Kinta Electrical Distribution Sdn. Bhd. yang pada masa dahulu mengiktiraf sijil-sijil tersebut tidak memberi pengiktirafan kepada sijil tersebut pada masa ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Sijil "City and Guilds of London Institute" adalah tidak lagi diiktiraf oleh Kerajaan sejak tahun 1975. Keputusan ini telah dibuat oleh Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan berdasarkan kepada pengkajian Jawatankuasa Kecil Kelayakan Teknik yang mendapati bahawa kelulusan tersebut tidak dapat disamatarafkan dengan Diploma daripada Universiti Teknologi Malaysia. Ini adalah kerana mutu dan taraf akademiknya adalah tidak sesuai bagi melayakkan pemegang-pemegang kelulusan tersebut menjalankan tugas jawatan-jawatan yang tertentu di dalam perkhidmatan awam.

KAPALTERBANG PEJUANG NORTHROP F-5

11. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Pertahanan memberi satu laporan kemajuan (progress report) mengenai penyiasatan ke dalam tuduhan-tuduhan bahawa wang rasuah dalam rupa komisyen berjuta-juta ringgit telah diberi kepada beberapa orang Malaysia yang berpangkat tinggi dalam perkara penjualan kapalterbang pejuang Northrop F-5 kepada Kementerian Pertahanan Malaysia dengan memberitahu nama-nama mereka yang diamanahkan dengan penyiasatan tersebut serta syarat-syarat rujukan mereka.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, penyiasatan sedang dijalankan oleh Biro Siasatan Negara dan bukanlah oleh mana-mana pihak yang lain. Oleh hal yang demikian, tidaklah dapat saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu.

LAMBANG (CREST) TENTERA DARAT

12. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Pertahanan memberi sebab-sebab mengapa lambang (crest) berasingan bagi setiap Kor dimansuh-

kan dan samada beliau sedar tentang terdapatnya perasaan tidak puashati yang amat sangat dan kehilangan kebangsaan di kalangan anggota-anggota Tentera Darat di Raja Malaysia sejak keputusan Kerajaan untuk mengadakan lambang (crest) yang sama untuk digunakan oleh mereka.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, dasar untuk menyamakan pakaian pegawai-pegawai dan anggota-anggota dalam Tentera Darat telah disyorkan oleh sebuah Jawatankuasa Khas yang dianggotai oleh pegawai-pegawai yang mewakili semua regimen dan kor. Jawatankuasa itu telah berpendapat bahawa sungguhpun pengenalan di antara satu regimen dan kor itu perlu dan baik untuk menggalakkan esprit-de-corps di dalam regimen atau kor itu sendiri tetapi yang lebih penting dan bermenafaat ialah kemegahan, semangat persahabatan dan esprit-de-corps terhadap tentera darat keseluruhannya dan seterusnya terhadap negara. Jawatankuasa itu juga berpendapat bahawa setengah-setengah regimen dan kebanyakan daripada kor di dalam Tentera Darat Malaysia adalah terlalu kecil dan adalah lebih sesuai dan bermenafaat jika semangat esprit-de-corps itu diarahkan kepada Tentera Darat sebagai suatu organisasi yang meliputi semua regimen dan kor.

Dasar itu juga akan memudahkan tugas-tugas menyediakan pakaian seragam kepada anggota-anggota tentera kita dan juga adalah lebih ekonomik kerana pakaian dan kelengkapan yang diperlukan setelah diseragamkan akan dapat dibeli sekali gos dan tidak payah ditempah secara berasingan untuk memenuhi keperluan yang berbeza bagi setiap regimen dan kor.

Syor Jawatankuasa Khas itu telah ditimbang dan diluluskan oleh Majlis Angkatan Tentera. Dewasa ini keputusan telahpun dibuat untuk membenarkanencana khas regimen dan kor dipakai oleh anggota-anggota regimen atau kor itu di poket baju sebelah kanan. Pemakaianencana ini walaupun bagaimanapun belum dikuatkuasakan oleh kerana pembekalanencana-lencana masih di dalam urusan. Dengan cara-cara ini pengenalan (identity) tiap-tiap regimen dan kor itu masih boleh dikekalkan dan semangat kemegahan esprit-de-corps terhadap tentera darat dapat diperkuatkan.

RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

13. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Kewangan menyatakan samada Kerajaan sudah mempunyai persediaan kewangan bagi melaksanakan projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga, jika ya, nyatakan dari punca manakah, jika tidak, di manakah Kerajaan bercadang mendapatkan wang yang banyak itu.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sekarang ini sudah pun membuat persediaan kewangan bagi melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga. Punca-punca kewangan yang akan diperolehi adalah sama seperti pada tahun-tahun yang lalu. Selain daripada hasil pendapatan Kerajaan, kita jua akan mendapat pinjaman daripada institusi-institusi kewangan antara-bangsa seperti Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan Bank Pembangunan Islam. Kita juga akan mendapat pinjaman dua pihak antara Kerajaan kita dengan Kerajaan-kerajaan Negara Luar dan pinjaman-pinjaman kredit seperti pinjaman Yen yang diberi oleh Jepun. Di samping itu, kita kerap kali membuat pinjaman-pinjaman pasaran (market loan) dari dalam dan luar negeri untuk membiayai projek-projek pembangunan kita.

Pada masa ini kita mempunyai wang untuk membiayai projek-projek yang sedang berjalan sekarang.

PEMBERIAN TANAH KEPADA WAKIL YANG DIPILIH

14. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa beberapa wakil yang dipilih telah menggunakan hak keistimewaan mereka untuk mendapatkan tanah Negeri yang luas kawasannya. Jika ya, samada Kerajaan hendak mengemukakan undang-undang untuk menghalang wakil-wakil yang dipilih untuk membuat demikian.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perkara tanah adalah di dalam kuasa Kerajaan Negeri. Jika didapati kes-kes tertentu seperti yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, beliau bolehlah melapurkannya kepada Biro Siasatan Negara.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab jawapan-jawapan yang telah diberi oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memuaskan, maka saya menarik balik soalan ini.

(Soalan No. 15 ditarik balik)

RANCANGAN TAMIL/CHINA DI TALIVISYEN

16. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Penerangan menyatakan samada beliau sedar tentang aduan-aduan dan rasa tidak puas hati yang dilahirkan oleh orang-orang bukan bumi-putra tentang kurangnya rancangan-rancangan Tamil dan China yang ditayangkan di Talivisyen dan samada terdapat pelen-pelen segera untuk menambahkan masa untuk tayangan rancangan-rancangan Tamil dan China supaya mencerminkan komposisi berbilang kaum masyarakat kita.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan adalah menyedari dengan jelasnya atas kehendak-kehendak rakyat dari berbagai golongan atau suku-suku kaum tetapi tentulah rancangan Talivisyen Malaysia tidak dapat memenuhi selera dan kemahuan tiap-tiap seorang atau tiap-tiap individu.

Dalam siaran TV Malaysia memang tidak ada apa yang dikatakan rancangan yang bercorak perkauman, semuanya adalah bercorak Nasional. Tetapi dalam rancangan-rancangan tempatan, ada unsur-unsur kesenian dan kebudayaan dari semua kaum yang dimasukkan dalam semua rancangan-rancangan TV Malaysia.

Sementara itu rancangan-rancangan filem cerita "feature film" seperti filem-filem Tamil/Hindi dan filem-filem Mandarin/Kantonis disiarkan 2 kali seminggu, tetapi filem Melayu hanya sekali seminggu. Dan ini adalah bertujuan merupakan untuk melahirkan corak supaya setiap rakyat dapat menikmati apa yang dikatakan melahirkan keadaan perimbangan kepada rakyat di negara kita.

TABUNG KEWANGAN MEMILIKI RUMAH

17. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kewangan menyatakan samada Kementerianya akan menimbang satu sekim mewajibkan semua badan-badan Kewangan seperti Bank Syarikat Meminjam, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (K.W.S.P.), Syarikat Insuran dan sebagainya, mengadakan Tabung Kewangan yang membolehkan rakyat berpendapatan rendah memiliki rumah dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan sentiasa sedar mengenai masalaah perumahan di kalangan rakyat yang berpendapatan rendah. Di samping memperuntukkan jumlah yang besar dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk membina lebih banyak rumah-rumah murah, Kerajaan juga menggalakkan pemaju-pemaju perumahan membina rumah-rumah murah seumpama itu untuk rakyat berpendapatan rendah. Dalam hubungan ini institusi-institusi kewangan yang terdapat di negeri ini adalah memainkan peranan yang penting dalam membantu usaha Kerajaan untuk mencapai matlamat ini.

Bank Negara telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan bank-bank perdagangan dan Syarikat Meminjam dapat mengadakan kemudahan yang mencukupi untuk tujuan pinjaman perumahan dan lain-lain kegunaan yang produktif bagi golongan berpendapatan rendah. Ini termasuklah langkah-langkah mengurangkan kadar utama pinjaman dan mengurangkan simpanan berkanun (Statutory Reserve) bank-bank perniagaan dan syarikat-syarikat meminjam yang mesti ada pada Bank Negara. Di samping itu Bank Negara juga sentiasa mengawasi supaya objektif ini dipatuhi oleh bank-bank perdagangan dan syarikat meminjam. Selain daripada itu, bank-bank perdagangan, syarikat meminjam, syarikat insuran dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja adalah merupakan penyumbang-penyumbang utama kepada Pinjaman Tempatan Kerajaan. Dengan sumbangan ini Kerajaan dapat melaksanakan projek-projek pembangunan yang mana termasuklah peruntukan untuk membina lebih banyak rumah-rumah murah.

Oleh kerana Kerajaan sentiasa mengawasi kegiatan institusi-institusi kewangan yang tersebut di atas, dan Kerajaan akan melaksanakan rancangan perumahan harga murah untuk rakyat yang berpendapatan rendah maka institusi-institusi kewangan tersebut mungkin dikehendakki memberi sumbangan masing-masing bagi menjayakan rancangan ini.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan. Tadi Menteri Kewangan ada menerangkan iaitu badan-badan kewangan sedia menolong untuk rancangan-rancangan Kerajaan yang membuat rumah murah. Saya hendak minta penjelasan dan jaminan daripada pihak Kerajaan, khususnya kepada Menteri Kewangan, adakah beliau sedar iaitu ada di antara pemaju-pemaju perumahan yang hendak membuat rumah murah tetapi tidak dapat pertolongan, terutama sekali bank-bank dan badan-badan institusi kewangan apabila hendak membuat (purchase finance) untuk pelengkapan bagi rumah-rumah murah ini. Kalau sedar dapatkah Menteri Kewangan memberikan arahan kepada pihak bank supaya rancangan rumah murah ini bukan sahaja dapat dilaksanakan oleh pihak Kerajaan bahkan juga dapat dilaksanakan oleh pemaju-pemaju bahagian swasta.

Tengku Tan Sri Razaleigh bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, memang saya sedar bahawa perkara semacam ini ada juga berlaku tetapi terbahagi kepada dua perkara.

- (1) Samada rancangan perumahan murah yang dimajukan oleh pemaju itu viable atau tidak yang membolehkan sesebuah institusi kewangan memberi kemudahan-kemudahan kewangan kepada rancangan-rancangan semacam itu.
- (2) Samada rancangan-rancangan itu boleh juga dimajukan dengan cara-cara yang lain dengan tidak mendapat kemudahan-kemudahan daripada pinjaman daripada bank.

Jadi, inilah dua perkara yang mesti ditimbangkan sebelum satu-satu projek perumahan dijalankan. Walau bagaimanapun, pihak Bank Negara sudahpun menentukan supaya sebahagian daripada 50% daripada wang yang dikeluarkan oleh bank-bank perdagangan diuntukkan untuk pembinaan rumah murah.

GAMBAR CARA-CARA SEMBAHYANG DI TALIVISYEN

18. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah masanya TV Malaysia akan menyiarkan gambar cara-cara sembahyang yang betul sebagaimana yang dibuat bagi kempen keselamatan Jalan Raya, Senaman dan Tarian.

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd Isa: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian ini mengucapkan terima kasih kepada pihak Yang Berhormat yang telah mengemukakan usul ini yang mana berselaras dengan tujuan dan cita-cita Kementerian ini untuk menyampaikan unsur-unsur dakwah bagi menyemai benih-benih keimanan, takwa serta nilai moral yang mulia kepada umat Islam di negara ini sesuai dengan Islam sebagai agama negara.

Perkara filem, cara-cara sembahyang yang betul sebagaimana yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat ini adalah sedang di dalam penyelenggaraan dan Insya Allah mungkin dapat disiarkan bersempena dengan bulan Ramadhan atau bulan puasa yang akan datang.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Timbalan Menteri bercadang semasa azan dilaungkan di TV gambar yang sesuai dapat ditayangkan di TV?

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Perkara ini mungkin dibuat kajian dari semasa kesemua sesuai dengan alam sekeliling dan dengan keadaan-keadaan membuktikan keagungan Allah s.w.t.

ROHANIAH MENENTANG PENG- GANAS KOMINIS

19. Tuan Embong bin Yahya minta Perdana Menteri menyatakan, memandang aktiviti pengganas Kominis semakin hebat di negara kita sekarang, adakah Kerajaan bercadang menggunakan ROHANIAH bagi menentang pengganas dengan meminta orangramai:

- (i) memasukkan doa kunut Tolak Bala (Kunut Nazilah) di dalam Sembahyang Jumaat di semua Masjid setiap minggu seperti yang dijalankan di Negeri Johor.

- (ii) mengadakan Sembahyang Hajat di Masjid atau di Surau oleh alim ulama bagi tujuan memohon kepada Allah agar keselamatan negara dan rakyat terpelihara dari ancaman penjahat-penjahat Kominis.

- (iii) bagi orangramai yang bukan Islam pula mengadakan majlis berdoa di rumah ibadat masing-masing setiap minggu atas tujuan yang sama.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sudahpun mengambil langkah-langkah yang perlu dalam semua bidang termasuk bidang kerohanian bagi menentang pengganas-pengganas kominis. Di antara langkah-langkah itu ialah semua Yang di-Pertua-Yang di-Pertua, Pesuruhjaya-pesuruhjaya dan pengarah-pengarah Jabatan Agama di seluruh negara telahpun diberi taklimat yang lengkap mengenai kedudukan keselamatan Negara. Begitu juga Mufti-mufti dan Kadi Besar-kadi besar dari seluruh Malaysia akan diberi taklimat ini dalam perjumpaan mereka yang dijadualkan pada bulan Ogos hadapan ini. Dengan itu langkah-langkah yang lebih berkesan dapat diambil untuk mengukuhkan keimanan kaum muslimin khususnya, di seluruh negara kita ini.

Bagi menjawab soalan yang pertama dan kedua, ini adalah terserah kepada Majlis-majlis Hal Ehwal Agama Islam di Negeri masing-masing.

Bagi menjawab soalan yang ketiga ini terserahlah juga kepada badan-badan agama yang lain.

Tuan Embong bin Yahya: Tidakkah lebih baik untuk menjalankan serentak hal ini di negeri-negeri dengan dapat arahan daripada Majlis Ugama Islam Pusat?

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, dijalankan serentak macam mana.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Serentak seperti di dalam soal (i) dan (ii).

Tuan Haji Othman bin Abdullah: (i) dan (ii) ini sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, yang pertama tadi kita pun menyatakan bahawa itu adalah kewajipan bagi tiap-tiap buah Kerajaan Negeri-negeri. Dan kedudukan negara kita ini pun tidaklah sama

dengan negeri berlainan dengan negeri yang lain tentang kedudukan kegiatan kominis. Maka terserahlah kepada negeri itu menimbangkan. Kalau negeri itu menganggap bahawa daerah atau negerinya terlalu serious dan memerlukan Kunut Nazilah, maka terserahlah kepada Majlis Ugama Islam itu sendiri, ataupun baca Yassin terserahlah kepada mereka itu sendiri. Ini hak negeri-negeri itu.

DEPLOYMENT PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN

20. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau menyediakan program menyusun satu sistem "deployment" pegawai-pegawai Kerajaan yang berkebolehan dan berpengalaman supaya perkhidmatan mereka boleh dinikmati oleh rakyat dengan lebih menyeluruh dan berkesan lagi.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, program menyusun satu sistem "deployment" pegawai-pegawai Kerajaan yang berkebolehan dan berpengalaman sentiasa ada dan berasaskan kepada keperluan perkhidmatan. Program ini adalah dikelola oleh Kementerian atau Jabatan masing-masing.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan selama ini untuk menambahkan pegawai-pegawai yang bukan sahaja berkebolehan dan berpengalaman tetapi juga cekap menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka untuk menjamin setiap masa supaya jentera pembangunan berjalan dengan licin dan teratur.

JAMBATAN SEMPIT DI SUNGAI SIPUT

21. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan, samada beliau sedar bahawa tiga buah jambatan sempit di atas Lebuhraya Bandar Sungai Siput telah meragut sebilangan besar nyawa sehingga ke masa ini disebabkan kejadian-kejadian kemalangan, dan berikutan dengan kejadian-kejadian buruk itu permintaan berulang-kali telah dikemukakan oleh Wakil Rakyat ke pihak Jabatan Kerjaraya supaya diluaskan Jambatan-jambatan tetapi telah tiada langsung diberikan perhatian, dan jika ya, apakah tindakan yang dicadangkan untuk mengatasi perkara itu.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya ingin memaklumkan bahawa rekabentuk untuk melebarkan ketiga-tiga jambatan di Sungai Siput yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sedang dibereskan dan tawaran-tawaran untuk kerja-kerja pembinaan akan dipanggil tidak lama selepas itu.

GROUP HOSPITAL

22. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa keadaan sebilangan besar "group hospital" yang disediakan untuk pekerja-pekerja estet adalah amat menyedihkan; jika ya, apakah tindakan yang dicadangkan oleh Menteri yang berkenaan supaya keadaan itu dapat diperbaiki.

Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, di bawah peruntukan Undang-undang Buruh, Pegawai-pegawai dari Jabatan Buruh menjalankan pemeriksaan ke atas "group hospital" ataupun hospital-hospital lain di ladang-ladang untuk menentukan hospital-hospital tersebut diselenggarakan dengan teratur. Selain dari itu, hospital-hospital ini adalah tertakluk kepada Akta Hospital Persendirian, 1971 (Private Hospital Act, 1971) yang menghendaki pendaftaran dan pemeriksaan hospital-hospital ini oleh Ketua Pengarah Kesihatan dan pegawai-pegawainya mulai dari 1973. Semua hospital-hospital mempunyai sekurang-kurangnya seorang pegawai perubatan yang tinggal di Ladang juga itu ataupun pegawai perubatan yang melawat dari semasa ke semasa. Pada amnya keadaan di hospital-hospital ini tidaklah boleh dikatakan tidak memuaskan, sungguhpun ada di antaranya yang tidak memuaskan keadaannya, dan perlu diperbaiki lagi supaya mencapai taraf yang dikehendaki. Tindakan bersama mengenai perkara ini adalah diambil oleh pegawai-pegawai dari Kementerian saya dan Kementerian Kesihatan yang jadi Penasihat kepada Pegawai-pegawai Kementerian saya dalam perkara-perkara ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan mengakui keadaan di beberapa hospital di ladang-ladang tidak memuaskan. Oleh itu, adakah Menteriannya bercadang

supaya Kementerian Kesihatan mengambil alih hospital-hospital di ladang masing-masing di tanahair kita?

Tuan K. Pathmanaban: Usaha untuk menyatukan perkhidmatan Kerajaan dalam kesihatan ini dengan perkhidmatan yang diberi oleh pengurus-pengurus ladang dibincangkan dalam masa beberapa tahun ini, tetapi Kerajaan telahpun menghadapi beberapa masaalah yang dihadapi oleh pengurus-pengurus ladang dalam perkara ini seperti kekurangan doktor dan kekurangan kakitangan yang terlatih dan lain-lain. Seperti saya katakan tadi, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sedang mengambil tindakan berkenaan dengan Kementerian Kesihatan untuk memajukan keadaan ini seberapa yang boleh.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu samada bantuan Kerajaan diberikan kepada "group hospital" yang berkenaan?

Tuan K. Pathmanaban: Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, "group hospital" yang ada dalam ladang-ladang itu adalah usaha persendirian oleh pengurus-pengurus ladang, tetapi ada saya fikir banyak hospital ini yang sedang dibagi-bagikan perkhidmatannya kepada orang ramai dan untuk perkhidmatan yang diberi oleh hospital ini kepada orang-ramai. Kerajaan ada beri *per capita* payment.

Dr Tan Chee Khoo: Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan dalam jawapannya menyatakan ada pegawai-pegawai perubatan yang tinggal di ladang-ladang untuk menjaga private hospital ini, atau katanya ada pegawai-pegawai perubatan melawat dalam bahasa Inggerisnya "Visiting Medical Officer" untuk menjaga hospital-hospital tersebut. Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sebuah hospital di ladang-ladang yang doktor ada tinggal di situ. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan menyiasat perkara ini. Dan juga kalau seorang pegawai perubatan melawat hospital sekali dalam sebulan apa gunanya kepada pesakit di hospital tersebut?

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi tidak benar. Ada beberapa

"group hospital" yang mempunyai doktor-doktor berkhidmat sepenuh masa. Walaupun mereka bekerja sepenuh masa di hospital-hospital ini, ada kemungkinan mereka tidak duduk dalam ladang-ladang itu, tetapi perkhidmatannya digunakan sepenuh masa oleh hospital-hospital itu. Di hospital-hospital yang lain yang tidak mempunyai doktor sepenuh masa tetapi ada Hospital Assistant yang terlatih berkhidmat sepenuh masa. Saya fikir tiada hospital-hospital yang tidak ada langsung pegawai-pegawai yang terlatih.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan. Tadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkata Kementerian beliau ada juga memeriksa hospital-hospital itu, bolehkah kita dapat tahu berapa bulan sekali Kementerian beliau memeriksa hospital-hospital di dalam estet-estet?

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, itu soal detail. Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai dari Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sentiasa melawat tempat-tempat pekerjaan termasuk tempat-tempat pekerjaan di ladang-ladang dan biasanya lawatan mereka itu ke ladang-ladang termasuk lawatan hospital-hospital yang ada di tempat itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 23 hingga 33 adalah diberi di bawah ini).

PROJEK PEMBANGUNAN DI MALAYSIA OLEH SAUDI ARABIA

23. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh minta Perdana Menteri menyatakan hasil rundingan antara Malaysia dan Saudi Arabia dalam bertikata "Bagaimana Saudi Arabia boleh menolong Malaysia dan menyertai projek-projek pembangunan di Malaysia".

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun menjawab soalan yang sama pada 5hb Julai, 1976, ketika menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Oleh yang demikian, tidak payahlah saya mengulang jawapan itu lagi.

GURU-GURU UGAMA

24. Wan Sulaiman bin Haji Wan Ibrahim minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan pengambilan alih guru-guru Ugama di Sekolah-sekolah Rendah Kerajaan; nyatakan samada ia menemui halangan-halangan atau sebaliknya.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Segala urusan pentadbiran untuk mengambilalih Guru-guru Ugama di Sekolah Rendah Kerajaan di peringkat Kementerian Pelajaran telahpun selesai.

Satu Pekeliling Perkhidmatan Bil. 12 tahun 1975 bertarikh 5hb Jun, 1975 dan borang pilihan sendiri telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam kepada Guru Ugama yang berkenaan, tetapi malangnya Kesatuan Kebangsaan Guru-guru Ugama Malaysia Barat (KKGUMB) telah mengemukakan sebuah Memorandum kepada Kementerian Pelajaran yang mengandungi beberapa tuntutan dan juga satu kawat taligram telah dihantar kepada Y.A.B. Perdana Menteri memohon supaya Pekeliling itu ditangguhkan sehingga masaalah tuntutan mereka diselesaikan. Inilah halangan yang menyebabkan tidak selesainya pengambilan alih itu hingga sekarang. Pihak Kementerian Pelajaran telah mengadakan rundingan-rundingan dengan KKGUMB dan kebanyakan dari tuntutan-nya telah diselesaikan.

Sekarang ini pihak Jabatan Perkhidmatan Awam akan mengeluarkan Pekeliling yang baharu menggantikan Pekeliling Bil. 12 yang telah ditangguhkan itu dalam sedikit masa lagi.

BULAN DAKWAH

25. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Perdana Menteri menyatakan adakah dasar bulan dakwah yang diura-urakan pelancarannya itu serupa dengan dasar Bulan Bahasa Kebangsaan dulu. Dan adakah Guru-guru Pondok dan Guru-guru sukarela telah dihubungi untuk meminta pandangan dan pengalaman mereka dalam hal ini.

Perdana Menteri: Gerakan bulan dakwah seperti yang diura-urakan itu bukanlah seperti gerakan bulan Bahasa Kebangsaan dulu kerana bulan dakwah itu adalah merupakan satu gerakan serentak bagi menjalankan kegiatan dakwah di seluruh Negara oleh negeri masing-masing. Bagaimanapun,

Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Jabatan-jabatan Ugama Islam negeri-negeri yang berkenaan serta Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia sedang menyusun suatu perancangan yang selaras bagi dijalankan di semua negeri-negeri yang berkenaan. Gerakan bulan Dakwah yang diura-urakan itu dicadangkan akan melibatkan samada Jabatan dan agensi-agensi rasmi Kerajaan ataupun juga badan-badan dakwah sukarela yang meliputi para ulamak, guru-guru ugama dan berbagai golongan masyarakat.

Maka soal samada guru-guru ugama pondok dan guru-guru ugama sukarela akan diminta pandangannya ini adalah terpulang kepada Jawatankuasa berkenaan yang dibentuk nanti.

PINJAMAN DARI LUAR NEGERI

26. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar pada suatu masa kebelakangan ini Kerajaan bercadang mengambil langkah-langkah perundangan untuk memberi kemudahan kepada Kerajaan Negeri mendapatkan pinjaman dari sumber-sumber luar negeri; jika benar sejauh manakah tindakan telah diambil kearah maksud itu.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Kerajaan Persekutuan telah berjanji akan mengkaji cadangan supaya memberi kemudahan kepada Kerajaan Negeri mendapatkan pinjaman dari sumber-sumber luar negeri. Kajian yang teliti ditinjau dari beberapa aspek telahpun dilakukan. Dari semua segi, adalah didapati lebih terjamin jika pinjaman dari luar negeri yang melibatkan sejumlah wang yang besar, dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan dan selanjutnya Kerajaan Negeri meminjam wang tersebut dari Kerajaan Persekutuan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju pada dasarnya untuk membenarkan Kerajaan Negeri mendapatkan pinjaman dari mana-mana sumber kewangan samada dari dalam atau luar negeri dengan syarat sumber kewangan itu adalah sumber-sumber yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dan tempoh pinjaman itu tidak melebihi 5 tahun. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perkara 111(2) Perlembagaan Persekutuan adalah merupakan peruntukan yang menghadkan

kuasa-kuasa Kerajaan Negeri untuk meminjam daripada sumber-sumber yang lain daripada Kerajaan Persekutuan. Satu cadangan akan dikemukakan dalam mesyuarat Parlimen yang sedang bersidang sekarang ini untuk meminda perkara ini bagi melaksanakan persetujuan dasar yang saya sebutkan tadi. Dengan itu akan terdapat kelunggaran tentang sekatan-sekatan tersebut jika sekiranya cadangan pindaan kepada Perkara III (2) diluluskan apabila cadangan itu dikemukakan kepada Dewan ini tidak lama lagi.

HELIKOPTER T.U.D.M.

27. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah cara keutamaan untuk mendapat timbangan menggunakan Helikopter T.U.D.M. di masa kecemasan dan adakah beliau sedar bahawa adanya Helikopter yang telah digunakan oleh pihak awam, selain daripada membawa orang-orang sakit tenat ke hospital atau mayat perajurit yang terkorban, jika sedar mengapa perkara ini dibiarkan.

Menteri Pertahanan (Datuk Hussein bin Onn): Keutamaan yang tertinggi bagi penggunaan helikopter-helikopter T.U.D.M. adalah diberi kepada tugas-tugas operasi dan tugas-tugas membantu pasukan keselamatan dalam gerakan-gerakan operasi. Selain dari itu keutamaan yang agak tinggi adalah juga diberi bagi pengangkutan anggota-anggota pasukan keselamatan yang tercedera atau pesakit-pesakit awam yang sakit tenat dan memerlukan rawatan serta merta. Lain-lain tugas yang diberi keutamaan adalah bagi:

- (i) tugas mencari dan menyelamat (search and rescue operations)
- (ii) peninjauan udara (aerial survey)
- (iii) penggambaran udara (aerial photography)
- (iv) pengangkutan kelengkapan-kelengkapan (airlifting of equipment)

Tugas-tugas pengangkutan ini dijalankan mengikut darjah kepentingan dan urgency tugas-tugas tersebut.

Saya sedar bahawa bagi tugas selain daripada tugas membawa orang-orang sakit tenat ke hospital dan mayat perajurit yang terkorban, helikopter-helikopter T.U.D.M.

adalah juga digunakan untuk mengangkut orang-orang awam. Biasanya mereka yang diangkut itu adalah:

- (i) Pembesar-pembesar Negara
- (ii) Pelawat-pelawat/Tetamu-tetamu Negara
- (iii) Pegawai-pegawai Kerajaan.

FELDA KEMAHANG BAGI BEKAS PERAJURIT/POLIS

28. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan berapa bilangan peneroka-peneroka daripada bekas-bekas Perajurit dan Polis yang telah ditempatkan di rancangan tanah FELDA Kemahang di Kelantan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Pada masa ini belum ada bekas-bekas Perajurit atau Polis yang ditempatkan di Felda Kemahang kerana rumah-rumah dan kemudahan-kemudahan awam belum siap disediakan di situ. Soal menempatkan mereka itu di rancangan Kemahang akan dirundingkan oleh Felda dengan Kerajaan Negeri Kelantan apabila kemudahan-kemudahan itu siap kelak.

JENTERA IMPLEMENTASI RANCANGAN PEMBANGUNAN

29. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) samada beliau sedar tentang satu kenyataan yang dibuat oleh Allahyarham Tun Razak sempena dengan perutusan Tahun Baru 1976nya bahawa Kerajaan bercadang mengkaji jentera implementasinya pada awal tahun ini untuk memberi rakyat di bandar-bandar dan kampung-kampung perkhidmatan yang lebih baik, dan jika ya, nyatakan apa yang telah dibuat dalam hal ini; dan
- (b) samada beliau sedar Allahyarham Tun Razak dalam kenyataannya yang sama telah mengatakan beberapa perbadanan dan Jabatan Kerajaan yang diamankan untuk melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan tidak menjalankan tanggungjawab mereka dengan memuaskan dan dedikasi, jika ya, nyatakan langkah-langkah yang Kerajaan ingin mengambil untuk mengatasi masalah ini.

Perdana Menteri: Saya sedar bahawa Allahyarham Tun Razak ada membuat perutusan demikian. Kerajaan adalah sentiasa mengkaji dan memperbaiki jentera implementasi projek-projek untuk memberi rakyat di bandar dan luar bandar perkhidmatan yang lebih baik. Adalah sukar untuk menyatakan satu persatu tentang apa yang telah dibuat. Tetapi, semasa melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga ini, Kerajaan pasti menitikberatkan lagi keupayaan jentera implementasi pentadbirannya.

Perkara kedua itu mungkin ada setengah-setengah pegawai-pegawai Perbadanan dan Jabatan Kerajaan telah menjalankan tanggungjawab secara memuaskan dan dedikasi. Kerajaan telahpun mengambil langkah meninggikan lagi kebolehan pegawai-pegawai di Perbadanan dan juga dalam Jabatan Kerajaan. Arahan-arahan tertentu telahpun dikeluarkan, dari masa ke semasa, untuk meningkatkan keupayaan semua pegawai Kerajaan bagi menjalankan tanggungjawab mereka secara cekap dan penuh dedikasi.

PASUKAN POLIS HUTAN MALAYSIA DI BETONG

30. Tuan Jaafar bin Hamzah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) langkah-langkah keselamatan yang dikenakan ke atas penduduk-penduduk di Betong selepas penarikan balik Pasukan Polis Hutan Malaysia dari kawasan Sempadan Malaysia/Thai; dan
- (b) langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil oleh pihak berkuasa Thai bagi mengatasi masalah yang akan dihadapi setelah ditarik balik Pasukan Polis Hutan Malaysia itu.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Betong ini adalah di dalam Wilayah Thai. Oleh itu apa-apa masalah termasuklah langkah-langkah yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat adalah tanggungjawab Kerajaan Thai.

(Soalan No. 31 ditarik balik)

JAWATANKUASA KHAS KERETAPI

32. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Perhubungan menyatakan samada

beliau sedar bahawa di dalam satu jawapan di Parlimen pada 21-11-1974 ada diumumkan bahawa Kementerian beliau sedang giat mengkaji soal operasi Jabatan Keretapi dengan menghidupkan semula Jawatankuasa Khas Keretapi bagi meneliti beberapa perkara dengan tujuan memperkemas cara-cara pentadbiran; jika sedar, dapatkah Menteri yang berkenaan menyatakan apakah laporan yang telah diterima dari Jawatankuasa Khas tersebut.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Jawatankuasa Khas mengenai Keretapi Tanah Melayu yang dilantik semula oleh Majlis Tindakan Negara pada 6hb Februari, 1974 dengan bidang-bidang tugas seperti berikut:

“Majlis Tindakan Negara telah memutuskan bahawa Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu hendaklah dijalankan sebagai Perbadanan (corporation), tidak sebagai Jabatan Kerajaan lagi. Untuk maksud ini Jawatankuasa Khas Tahun 1969 adalah diberi tugas seterusnya bagi mengemukakan syor-syor tertentu kepada Kerajaan”.

Laporan Jawatankuasa Khas itu telahpun disiapkan pada bulan Februari, 1976. Laporan tersebut telahpun dikemukakan kepada Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (J.P.P.N.) untuk perimbangannya.

PERKHIDMATAN BOEING 737 KE TAWAU/SANDAKAN

33. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah bertanya kepada Menteri Perhubungan:

- (a) adakah benar bahawa kapalterbang jenis Boeing 737 akan mendarat di lapangan terbang Tawau dan Sandakan dalam bulan Oktober atau pada akhir tahun ini, jika tidak, mengapa dan bilakah perkhidmatan Boeing 737 akan diadakan di sana serta apakah perediaan-persediaan awal yang diperlukan; dan
- (b) adakah beliau sedar bahawa perkhidmatan Boeing 737 ke Tawau dan Sandakan adalah sangat-sangat dikehendaki memandangkan bilangan penumpang-penumpang yang bertambah di kedua-dua lapangan terbang ini, kiranya ya, bilakah perkhidmatan ini akan dimulakan.

Tan Sri V. Manickavasagam:

- (a) Perkhidmatan Boieng 737 ke Tawau dan Sandakan tidak akan dimulakan dalam tahun 1976. Ini adalah kerana lapangan terbang-lapangan terbang Tawau dan Sandakan buat masa ini tidak mampu menerima pendaratan kapalterbang jenis Boeing 737. Kedua-dua lapangan terbang ini perlu diperbaiki bukan sahaja dari segi memperbaiki landasannya tetapi juga bangunan perhentian dan lain-lain kemudahan perlu diperbaiki.
- (b) Memandangkan kepada jumlah penumpang di Sandakan dan Tawau adalah wajar yang perkhidmatan Boieng 737 dimulakan di tempat-tempat ini. Walau bagaimanapun lapangan terbang-lapangan terbang ini perlu diperbaiki dan dinaikkan tarafnya untuk perkhidmatan Boeing 737. Langkah-langkah sedang diambil oleh Kementerian saya untuk menaiki taraf lapangan terbang ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1974 DAN 1976)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN (Bil. 4) 1974

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, 1974 dan Anggaran Pembangunan Tambahan, 1974 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (6hb Julai, 1976).

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Waktu Dewan ini ditangguhkan semalam, Yang Berhormat dari Kota Melaka sedang membincangkan Anggaran Pembangunan Tambahan di bawah Kementerian Undang-undang, sekarang saya jemput Yang Berhormat itu menyambung ucapannya.

Kepala B. 43 (Jadual Kedua)—

3.41 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, apabila pengumuman dibuat pada pertama kali yang Biro Siasatan Negara akan dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri kepada Kementerian Undang-undang adalah dianggapkan ketika itu bahawa ini menunjukkan satu down-grading, peranan penting B.S.N. walaupun telah timbul penafian umum oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan bahawa ini semua adalah tidak benar.

Tetapi, rekod B.S.N. pada masa enam bulan yang lalu telah menunjukkan bahawa pihak B.S.N. telah hilang momentumnya dan drivenya dalam kempen menentang rasuah kerana dalam tempoh enam bulan yang lalu tidak terdapat seekor ikan yu yang telah didakwa di Mahkamah.

Nampaknya, B.S.N. lebih kejahilan daripada rakyat jelata kerana rakyat jelata boleh menyenaraikan nama “ikan-ikan yu” samada di peringkat kebangsaan atau di peringkat negeri dan jikalau pihak B.S.N. menyiasat “ikan-ikan yu” ini, mereka akan terdapat bahan-bahan yang banyak yang membolehkan mereka mendakwa “ikan-ikan yu” tersebut.

Jika terdapat satu pendapat luas yang dipegangi oleh orang-orang awam bahawa pihak B.S.N. tidak boleh atau tidak mempunyai kuasa untuk membersihkan rasuah di tempat-tempat atasan, maka pendapat seumpama itu tidak akan memberi sebarang kredit kepada Biro Siasatan Negara.

Pada 29hb November, saya telah menulis kepada Pengarah B.S.N., Tan Sri Ibrahim Salleh, tentang satu hal tepat mengenai conflict of interest di mana seorang Ahli EXCO Negeri Melaka, Y.B. Ghani Ishak, dengan tidak mendedahkan kepentingan-kepentingan perniagaan atau perusahaannya (pecuniary interest) telah mengambil bahagian dalam satu keputusan Kerajaan Negeri untuk memberi 3,300 ekar tanah kepada sebuah syarikat di mana beliau sendiri menjadi seorang pengarah.

Rakan saya Ahli Dewan Undangan Negeri Melaka saudara Chan Teck Chan bagi kawasan Tranquerah, telah juga menulis kepada Y.B. Peguam Negara sendiri tentang hal ini tetapi nampaknya, tidak berkesan.

Sebaliknya, kita melihat Ahli-ahli EXCO Negeri dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri menggunakan kedudukan resmi mereka untuk mengeluarkan atau memberikan tanah kepada mereka sendiri dengan tujuan khas untuk memperolehi keuntungan dan untuk tujuan-tujuan profit spekulasi, sedangkan rakyat yang benar-benar kelaparan tanah tidak boleh mendapat seinci tanah pun untuk tujuan bercucuk tanam atau untuk mencari nafkah.

Semasa pilihanraya Negeri Sabah baru-baru ini, Parti Berjaya telah menyenaraikan amalan-amalan rasuah terhadap Kerajaan Negeri USNO. Dakwaan-dakwaan rasuah tertentu ini terhadap Kerajaan USNO masa itu bukan sahaja belum lagi disiasat, malah, kini Parti Berjaya telah bergabung dengan Parti USNO di dalam Barisan Nasional.

Di manakah terdapat seriousness di negara Malaysia untuk menentang rasuah? Pada hujung tahun yang lepas dan pada awal tahun ini ramai orang-orang di tempat-tempat atasan, baik di peringkat kebangsaan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ini bercakap di bawah kepala mana?

Tuan Lim Kit Siang: Saya bercakap di bawah Kepala B. 43 mengenai Biro Siasatan Negara seluruhnya yang dipindahkan kepada Kementerian Undang-undang dan with respect mengikut Peraturan 67 (9).

Tuan Pengerusi: Ya, saya faham tetapi pecahan-kepala mana? Kalau hendak bercakap umum berkenaan dengan dasar itu pada mula-mula lagi.

Tuan Lim Kit Siang: With due respect, bolehkah saya

Tuan Pengerusi: Saya tahu di bawah Peraturan 67 tetapi Pecahan-kepala mana?

Tuan Lim Kit Siang: B. 43.

Tuan Pengerusi: Itu Kepalanya, Pecahan-kepala berapa? Cuba baca betul-betul Peraturan Mesyuarat 67 itu, jangan berbabas dengan saya.

Tuan Lim Kit Siang: Pecahan-kepala 1100—Gaji dan Upahan (7) Pencegah Rasuah.

Tuan Pengerusi: Cakap satu-satu dahulu—1100 pecahan (7).

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, tadi saya katakan di manakah terdapat seriousness di negara Malaysia untuk menentang rasuah? Pada hujung tahun yang lepas dan pada awal tahun ini ramai orang-orang di tempat-tempat atasan, baik di peringkat kebangsaan atau di negeri terasa takut kerana mereka berpendapat mungkin akan berlaku “winds of change” dan dakwaan-dakwaan terhadap mereka yang di dalam tempat-tempat atasan tanpa mengira siapa atau pengaruhnya akan bermula. Mereka yang ketakutan itu kini merasa lega kerana mereka yakin keadaan sudah kembali kepada keadaan biasa. Kerajaan harus menunjukkan keazaman yang lebih kuat untuk menentang rasuah khususnya rasuah di tempat-tempat atasan.

Peruntukan-peruntukan untuk Biro Siasatan Negara harus dilipatgandakan, bilangan anggota-anggotanya ditambah supaya B.S.N. boleh menimbulkan rasa ketakutan di dalam hati orang-orang yang bercorrupt itu tanpa mengira samada mereka itu berpangkat atau berkuasa. Pada masa ini mereka yang berpangkat dan mempunyai kuasa hanyalah yang boleh menimbulkan rasa ketakutan di kalangan penyiasat-penyiasat B.S.N. dan pihak B.S.N. tidak dapat membuat apa-apa kecuali mereka disokongi oleh political endorsement. B.S.N. mesti bergerak tanpa keperluan political endorsement. B.S.N. harus dibenarkan menjalankan tugasnya dengan bebas, bebas untuk membuat keputusan untuk mendakwa, berdasarkan merit atau demerit setiap kes dan bukan berdasarkan implikasi-implikasi politik yang terlibat.

Ini hanya boleh dicapai jika pihak B.S.N. tidak diletakkan di bawah mana-mana Kementerian atau ianya dibenarkan bergerak dengan tidak di bawah arahan-arahan politik, sebagai sebuah badan bebas yang di bawah penyeliaan Parlimen di mana Parlimen menjalankan pengawalannya melalui sebuah Jawatankuasa Tetap Parlimen terhadap rasuah yang dianggotai oleh anggota-anggota dari semua parti termasuk parti Pembangkang.

Tuan Pengerusi: Kalau tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak bercakap, dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawabnya.

3.44 ptg.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Pengerusi, pertamanya saya mengucapkan terima kasih atas teguran-teguran dan pandangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka khasnya berhubung dengan kedudukan Biro Siasatan Negara ini.

Sukalah saya menjelaskan iaitu Kerajaan tidak dapat menerima tuduhan yang mengatakan pada masa ini B.S.N. tidak lagi membuktikan ketegasan dalam menghadapi rasuah di negara ini dan juga saya tidak dapat menerima pendapat yang mengatakan B.S.N. ini adalah di bawah desakan politik ataupun kuasa yang tidak adil. Suka saya menerangkan iaitu B.S.N. ini adalah menjalankan segala tugas dan segala kegiatan menghadapi masalah rasuah secara persendirian dan tidak ada campurtangan ataupun pengaruh politik yang dihadapkan kepadanya.

Pada masa ini perlu diingatkan semula iaitu B.S.N. telah berjaya menyingkap beberapa kes yang besar di negara ini bersabit dengan tuduhan dan rasuah, antaranya termasuklah kes-kes RISDA di Negeri Perak dan di Negeri Johor, B.S.N. telah berjaya menyingkap perkara-perkara bersabit dengan perbuatan dalam Examination Syndicate, B.S.N. juga telah menjalankan usaha-usaha untuk membongkar beberapa lagi kes-kes besar bersabit dengan rasuah di negara ini. Tetapi satu perkara yang perlu ditegaskan ialah apabila B.S.N. menjalankan penyelidikan atas satu-satu kes yang besar maka kita tidak bolehlah mengeluarkan maklumat-maklumat oleh kerana ini akan menjejaskan ataupun melemahkan beberapa faktor dalam penyelidikan itu.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, B.S.N. adalah dirancang untuk memperolehi kakitangan yang lebih. Pada masa ini B.S.N. mempunyai 371 orang termasuk di Sabah dan Sarawak dirancang supaya 509 orang lagi ditambah sebagai kakitangan B.S.N. untuk menjadikan 880 orang kesemuanya. Kita mempunyai biro-biro dan cawangan-cawangan di semua negeri termasuk Perlis dan Kedah yang dilingkongkan ke dalam satu cawangan negeri. Selain daripada itu pendapat yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan B.S.N. tidak lagi berupaya sebagai satu tenaga membongkar rasuah ini tidak dapat diterima oleh kerana salah satu daripada kegiatan B.S.N. ialah

untuk mendapatkan maklumat yang cukup sebelum sesuatu kes itu dibawa ke permukaan keadilan. Oleh itu B.S.N. adalah menjalankan sistem dan proses yang amat teliti sebelum sesuatu kes itu dibawa ke dalam pendakwaan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$4,121,500 untuk Kepala B. 43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Kepala B. 41 (Jadual Pertama)—

3.48 ptg.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Abdullah Majid): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya peruntukan tambahan sebanyak \$80,800 yang dikehendaki di bawah Kepala B. 41—Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dimasukkan ke dalam Jadual Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Keempat Tahun 1974.

Butir-butir tentang peruntukan tambahan ini adalah sebagaimana yang tertera di dalam butiran 12, dalam Kertas Perintah 17 tahun 1976 iaitu berikutan dengan penubuhan Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan (NITTCB).

Tambahan sebanyak \$80,800 ini dikehendaki bagi menampung tambahan belanja mengurus Kementerian ini oleh kerana peruntukan yang telah diluluskan sebanyak \$13,178,560 dan tambahan sebanyak \$904,074 yang telah diluluskan di dalam Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga Tahun 1974 masih belum mencukupi. Tambahan perbelanjaan ini adalah diperlukan untuk membayar sewa ruang pejabat bagi Lembaga ini bagi tahun 1974. Lembaga ini telah ditubuhkan dalam bulan April tahun itu dan anggaran perbelanjaannya telah tidak dimasukkan ke dalam Anggaran Perbelanjaan Tahun 1974 semasa disediakan.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya Dewan yang mulia ini meluluskan peruntukan tambahan tersebut.

3.50 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, dalam menyokong peruntukan B. 41 sebanyak \$80,800

sebagai tambahan, saya hendak mengemukakan kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan satu masalah bagi murid-murid atau belia-belie yang hendak melanjutkan atau hendak masuk dalam latihan perindustrian yang datangnya daripada kampung atau daripada luar bandar. Syaratnya ialah mereka ini perlu mencari sponsor daripada firma-firma dan sebagainya baru boleh dapat diterima masuk dalam latihan perindustrian itu.

Saya suka maklumkan bahawa di kawasan luar bandar iaitu di kampung, kalaulah hendak mendapatkan sponsor daripada firma-firma, sudah barang tentu mengecewakan belia-belie itu atau murid-murid yang lepas daripada sekolah yang tidak dapat melanjutkan pelajarannya. Oleh itu, sukalah saya membawakan kepada pengetahuan Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah maklum dan telahpun menyelesaikan satu perkara semumpama itu supaya dapat diberikan satu kemudahan iaitu dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Buruh atau Kementerian sendiri untuk menolong mencari sponsor sementara di luar bandar sudah ada industri yang boleh sponsorkan mereka itu. Jadi, ini boleh menyenangkan dan dapat lagi kita perbanyakkan belia-belie bagi mencampuri atau melanjutkan latihan perindustrian ini sepertimana yang telah disediakan.

3.53 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Pengerusi, dalam menyokong Rang Undang-undang ini saya suka mengambil perhatian sedikit.

Pertama, saya rasa bangga dan saya memuji usaha Kementerian ini dalam usahanya berkenaan untuk menambah lagi pengetahuan belia-belie di negara kita ini bagi mencapai taraf sebagaimana yang dikehendaki oleh negara kita. Tetapi, Tuan Pengerusi, saya amat mengharapkan Kementerian yang berkenaan dalam usaha-usaha seperti ini dapat meluaskan lagi ataupun membanyakkan lagi usaha-usaha melatih, meluaskan ataupun membanyakkan tempat-tempat bagi membolehkan belia-belie di negara kita ini lebih ramai mendapat latihan-latihan perindustrian ini. Dengan itu, saya rasa pihak Kerajaan dapat mengurangkan pengangguran di kalangan belia-belie di negara kita yang pada masa ini makin bertambah.

Di antara sebab-sebab bertambahnya pengangguran di kalangan belia-belie di negara kita ini bukan disebabkan belia-belie itu tidak mahu bekerja dan bukan juga pada hemat saya kerana tidak banyak peluang-peluang bekerja, tetapi kebanyakan peluang-peluang pekerjaan ataupun kerja-kerja yang dikehendaki itu adalah ditentukan kepada belia-belie ataupun pemohon-pemohon itu mempunyai syarat-syarat yang tertentu ataupun mempunyai kemahiran-kemahiran yang tertentu yang menyebabkan banyak belia-belie kita tidak dapat memenuhi kehendak-kehendak ini. Oleh itu, saya berharap hendaklah Kementerian yang berkenaan ini dapat melipatgandakan lagi usaha-usaha seperti ini bagi menambah latihan dan kemahiran ini kepada belia-belie kita.

3.57 ptg.

Tuan Abdullah Majid: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu sukalah saya menjelaskan tentang peranan Lembaga ini yang sebenarnya ialah sebagai badan penyelaras menentukan kelulusan beberapa agensi latihan Kerajaan yang ada pada masa ini seperti Instituti Kemahiran MARA, Pusat Pelupur Belia Negara di Dusun Tua, Pusat Latihan Angkatan Tentera supaya sijil-sijil yang dikeluarkan itu diterima sebagai perakuan yang sah oleh pihak-pihak yang akan menerima mereka ini di dalam kilang atau di dalam perusahaan masing-masing.

Walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli dari Tanjong Karang dan Ulu Nerus yang barangkali agak keliru sedikit, kerana apa yang dikatakan oleh mereka itu ialah sebenarnya Instituti Latihan Perindustrian yang juga dikendalikan oleh Kementerian ini. Memanglah tujuan Kerajaan sebagaimana yang sudah diterangkan kelmarin akan menambah tiga buah lagi institusi ini, sebuah di Kuala Trengganu yang akan memberi munafaat kepada belia-belie di Pantai Timur selain daripada pusat yang akan dibina di Johor Bahru dan di Kota Kinabalu. Tetapi di dalam soal memberikan pekerjaan memanglah diakui latihan itu amat diperlukan namun pihak yang menyediakan pekerjaan ialah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang mengendalikan kedatangan pelabur-pelabur asing yang akan membuka industri mereka di sini. Jadi, dengan adanya koordinasi antara kedua-dua

Kementerian ini di samping Kementerian-kementerian yang lain, masalah yang ditimbulkan oleh Ahli dari Ulu Nerus tadi akan dapat diselesaikan daripada semasa ke semasa.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$80,800 untuk Kepala B. 41 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis ditempohkan selama setengah jam.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.00 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.35 petang.

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Kepala B. 47 (Jadual Kedua)—

Kepala P. 43 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1974)—
4.36 ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Haji Abdullah Ahmad): Tuan Pengerusi, saya mohon izin mengemukakan Anggaran-anggaran untuk Belanja Mengurus Tambahan 1976 dan Pembangunan Tambahan 1974 bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar serta jabatan yang termasuk di bawah tanggungan Kementerian saya iaitu di bawah Kepala B. 47, dan Kepala P. 43 dimasukkan ke dalam Jadual Anggaran Belanja Mengurus dan Anggaran Pembangunan Tambahan.

Tuan Pengerusi, Anggaran Tambahan di bawah Kepala B. 47 berjumlah \$2,414,625 untuk Perbelanjaan Mengurus adalah seperti berikut:

\$608,353 adalah dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan berkenaan dengan Alam Sekitar, dan

\$1,709,243 adalah dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan berkenaan dengan Mergastua.

Aktiviti-aktiviti Jabatan tersebut yang mana masing-masing dahulunya di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar dan Kementerian Tanah dan Galian adalah sekarang di bawah bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akibat daripada penyusunan semula portfolio Kementerian pada awal Mac, 1976.

\$97,029 adalah dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan berkenaan dengan Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara yang telah ditubuhkan baru-baru ini dengan tujuan membentuk suatu polisi sains negara dan mengembangkan serta menyelaraskan penyelidikan sains dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan negara. Peruntukan ini ialah bagi membiayai Belanja Mengurus bagi tempoh enam bulan dalam tahun 1976.

Anggaran Tambahan di bawah P. 43 berjumlah \$60,800 untuk perbelanjaan Pembangunan adalah dikehendaki bagi Jabatan Kimia untuk membeli alat-alat kelengkapan makmal bagi Cawangan Makmal baru di Ipoh.

Oleh hal yang demikian, saya berharap kelulusan diberi kepada Anggaran-anggaran Belanja Mengurus, 1976 dan Pembangunan Tambahan, 1974 untuk Kementerian dan Jabatan di bawah tanggungjawab Kementerian saya seperti yang berikut di bawah:

\$2,414,625 di bawah Kepala B. 47

\$60,800 di bawah Kepala P. 43.

Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan peruntukan ini untuk diluluskan.

4.40 ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Perbekalan Tambahan di bawah Kepala B. 47 untuk pengurusan Kementerian tersebut dan saya difahamkan dan diberitahu bahawa Kementerian ini sentiasa kekurangan pegawai-pegawai, maka dengan sebab itulah barangkali kerana kekurangan pegawai di Kementerian ini beberapa perkara kepentingan rakyat belum dapat diselesaikan di segi masalah alam sekitar. Satu perkara ingin saya membangkitkan di dalam Dewan ini ialah masalah bau busuk yang ditanggung oleh beribu-ribu manusia di kawasan Gombak iaitu kawasan di mana ada kilang getah Lee Rubber yang air busuk

ini sentiasa mengalir, bukan sahaja mengotorkan kawasan-kawasan tersebut sehinggalah sungai yang berhampiran di situ pada satu ketika airnya jernih tetapi pada hari ini telah menjadi hitam dan tebing-tebingnya pun telah melekat menjadi hitam, dan juga baunya di sekeliling itu terlampau busuk.

Saya ingat dua tiga tahun yang lepas satu kajian telah dibuat bagaimana caranya supaya penderitaan orang ramai di kawasan tersebut dapat dikurangkan. Adakah kerana alat-alat kimia boleh kita gunakan supaya bau busuk ini hilang dan air ini tidak merosakkan keadaan sekeliling, tetapi sehingga hari ini keadaan ini tidak bergerak dan kita sedia maklum, Tuan Pengerusi, kawasan ini makin setahun bertambah penduduknya dan kawasan ini juga telah banyak bertambah kawasan pembangunan, perumahan dan tempat-tempat tinggal orang ramai. Jadi, saya berharap sangatlah kepada Kementerian yang berkenaan mengambil tahu dan mengambil berat tentang perkara ini kerana selaku Wakil Rakyat, saya selalu sahaja didatangi beberapa soalan dan seolah-olah pihak Kerajaan tidak ada menjalankan sebarang usaha untuk mengatasi masalah ini. Inilah harapan saya kepada Kementerian yang berkenaan iaitu bukan di kawasan ini sahaja, kalau dapat kita mengatasi supaya bau busuk ini, sehinggalah saya takut akan mendatangkan penyakit kepada orang ramai, tidak timbul lagi.

Tuan Pengerusi: Yang sebenarnya wang yang diperlukan di bawah Jabatan Kimia ini untuk di Ipoh, tetapi sebab selalu kita lalu di situ bau busuk, tidak mengapalah, saya biarkan.

4.43 ptg.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengucapkan sepatah dua kata mengenai perkara alam sekitar.

Tuan Pengerusi, memandangkan betapa besar perbekalan tambahan bagi Kementerian itu saya harap supaya Kementerian dapat memulakan tindakan untuk mengatasi masalah pencemaran alam sekitar yang berlaku di dalam Bandar Kuala Lumpur. Pencemaran alam sekitar ini berlaku akibat kenderaan-kenderaan khasnya bas-bas lama yang mengeluarkan asap-asap dari "exhaust" mereka. Kejadian ini merupakan satu ancaman yang serious terhadap kesihatan awam penduduk-penduduk di dalam Bandar

kita ini. Sebagai seorang Wakil Rakyat saya telah menerima banyak pengaduan-pengaduan daripada orang ramai mengenai masalah pencemaran alam sekitar yang disebabkan oleh pengeluaran asap-asap dari kenderaan-kenderaan lama dan oleh kerana ini saya harap bahawa Kementerian dapat mengambil tindakan yang tegas untuk mengatasi masalah ini.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, saya juga berharap Kementerian ini dapat merangka langkah-langkah jangka panjang dan pendek untuk menyelesaikan masalah pencemaran dalam berbagai bentuk di seluruh negara kita.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah kerja yang telah dijalankan oleh Majlis Perlindungan Alam Sekitar semenjak Majlis ini ditubuhkan. Maklumat itu dikehendaki untuk memberitahu orang ramai mengenai aktiviti-aktiviti Majlis tersebut apakah kerja yang telah dijalkannya di dalam perkara perlindungan alam sekitar kita.

4.45 ptg.

Dr Tan Chee Khoo (Kepong): Tuan Pengerusi, saya ingin memberi sepatah dua kata di atas Kepala B. 47 tentang alam sekitar di Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, malangnya walaupun Dewan ini telah meluluskan Akta Alam Sekitar barangkali lima enam tahun dahulu, pada pendapat saya Jabatan Alam Sekitar tidak cukup pegawai yang mahir dan oleh sebab barangkali ada kekurangan pegawai, maka timbullah apa yang rakan saya dari Setapak kata bau busuk, rakan saya dari Bandar Kuala Lumpur membangkitkan kekotoran daripada bas-bas dan saya hendak membangkitkan mengenai apa yang berlaku di dalam kawasan saya iaitu daripada kilang-kilang papan di Kepong.

Tuan Pengerusi, saya telah membawa beberapa orang Menteri; bekas Menteri Kesihatan saya ada bawa, bekas Menteri Alam Sekitar pun saya ada bawa, bekas Menteri Besar pun saya ada bawa, pegawai-pegawai daripada WHO pun saya ada bawa, tetapi malangnya sehingga hari ini saya tidak tahu adakah Jabatan Alam Sekitar mengambil tindakan untuk mencegah, bukan menghapuskan, kekotoran yang datang

daripada kebakaran habu di sana tetapi makin lama makin bertambah kekotoran di sana dan penduduk-penduduk yang duduk di Kepong Baru dan di sekelilingnya bukan sahaja menulis surat kepada saya nampaknya mereka ada juga menulis surat kepada Jabatan Alam Sekitar. Tetapi malangnya, saya tidak nampak apa akibat atau apa tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Alam Sekitar.

Baru-baru ini, Tuan Pengerusi, timbul lagi satu masalah. Di dalam Taman Kepong ada satu kawasan perindustrian, ini nampak baik untuk cottage industry tetapi malangnya dia membesarkan cottage industry kepada machinery yang besar, bukan cottage industry lagi dan noise pollution daripada mesin-mesin itu menyebabkan penduduk-penduduk di sana tidak boleh tidur dan kanak-kanak yang bersekolah tidak dapat belajar di rumah.

Tuan Pengerusi: Kalau penduduk-penduduk itu tidak boleh tidur, apa yang dibuatnya?

Dr Tan Chee Khoo: Itu mesti bertanya kepada Jabatan Alam Sekitar, bukan kepada saya, Tuan Pengerusi.

Saya telah menulis surat kepada Jabatan Alam Sekitar dan saya terima kasih kepada Jabatan itu oleh sebab tidak berapa lama lagi pegawai-pegawai daripada jabatan itu akan menyiasat keadaan di sana tetapi apa tindakan yang telah diambil saya belum tahu oleh sebab saya baru balik ke negeri ini.

Saya berharap, Tuan Pengerusi, Jabatan Alam Sekitar dan Kementeriannya mengambil perhatian dan mesti bertindak dengan segera oleh sebab kalau kita menyeleweng atau tunggu-tunggu makin lama makin bertambah dahsyat dan kalau kita tidak bertindak sekarang kalau kita tunggu satu tahun kita mesti belanja bukan seratus, bukan dua ratus tetapi berjuta-juta untuk memperbaiki keadaan yang telah dirosakkan oleh beberapa kilang di tanahair kita. Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, saya berharap Timbalan Menteri yang berkenaan boleh mengambil perhatian seperti kata pepatah Inggeris: "a stitch in time saves nine" atau "prevention is better than cure".

4.51 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya turut menyokong peruntukan tambahan yang diminta oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Nampaknya, Tuan Pengerusi, berkenaan alam sekitar seperti yang telah disuarakan oleh banyak Ahli-ahli Yang Berhormat, bukanlah sahaja di Ipoh, bahkan banyak tempat-tempat lagi saya agak dari utara Malaysia sampailah ke selatan Malaysia; boleh dikatakan dari Perlis sampai ke Sabah. Sebab saya kata begitu, pencemaran alam sekitar termasuk juga di Perlis, walaupun tidak disebut, saya bimbang, Tuan Pengerusi, kita tumpukan di Ipoh, sebab saya fikir pencemaran bukan ada di Ipoh sahaja, saya takut Kementerian yang berkenaan mengambil berat di Ipoh sahaja walhal perkara ini bukanlah berlaku di Ipoh sahaja. Di Perlis juga, Tuan Pengerusi, ada dua industri iaitu kilang gula dan kilang simen. Kedua-duanya membawa kebaikan dan tidak kurang pula membawa akibat oleh alam sekitar.

Berkenaan dengan kilang gula, yang mana airnya seperti yang dikatakan oleh seorang Yang Berhormat tadi berkenaan dengan kilang getah, air daripada kilang tebu pun kadang-kadang menyebabkan manusia tidak boleh mandi, sehingga kerbau sekalipun takut hendak turun ke dalam air yang mengandungi air tebu tadi, dan ikan kebanyakan mati kerana air itu terlampau busuk.

Dengan sebab itu, saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan di samping ditumpukan di Ipoh dan tempat-tempat lain, saya harap di Perlis juga ada satu masalah sebagaimana yang saya katakan tadi. Begitu juga debu yang sesudah daunnya dibakar, maka melayang-layanglah debu yang dikatakan bunga api ataupun debu yang tinggal hitam. Pada suatu pagi saya sembahyang di Masjid Arau, nampaklah debu-debu hinggap ke baju masing-masing. Pendek kata, kalau Tuan Pengerusi, sendiri suatu ketika pergi sembahyang di Masjid Arau, haruslah menerima akibat debu itu.

Tuan Pengerusi, debu-debu kilang simen amatlah banyak sehingga menyebabkan setengah rumah itu putih dan tidak payah sapu kapur lagi, walhal dindingnya bukan dinding simen tetapi dinding papan, tetapi nampaknya macam ada simen terlekat di dinding

Saya berharap kepada Kementerian, walaupun terpaksa meminta wang lagi, mintalah, asalkan pencemaran alam ini dapat diatasi, dan jangan tumpukan di Ipoh sahaja, tetapi di mana-mana juga tempat termasuklah juga Perlis di Utara Malaysia.

4.54 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Kepala B. 47. Saya sukaiah menyentuh berkenaan dengan alam sekitar di kawasan saya iaitu di Sekinchan. Saya telah difahamkan baru-baru ini Yang Berhormat Timbalan Menteri ada melalui tempat itu tetapi tidak pergi ke kilang ikan busuk di dalam kawasan saya itu.

Di sini sukaiah saya menceritakan untuk menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu kilang ikan busuk ini sentiasa menjadi sungutan dan kebencian kepada penduduk di sekeliling kilang itu. Perkara ini telahpun saya bawa kepada suatu majlis perbincangan yang dibantu oleh Jabatan Buruh. Beberapa perkara telah dibincangkan dan diambil persetujuan dan diharap kerjasama daripada penguasa kilang itu kepada peraturan-peraturan dan undang-undang alam sekitar yang patut mereka patuhi. Malangnya Tuan Pengerusi, sampai hari ini nampaknya mereka itu tidak mengindahkan peraturan-peraturan ataupun arahan-arahan yang diberikan oleh pihak Kementerian Buruh perkara-perkara ada kena-mengena dengan perkara "pollution". Jadi, itulah yang menjadi kemuskhilan saya membawa ke dalam Dewan ini mudah-mudahan Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat bertindak dengan serious mengatasi perkara ini supaya bau busuk itu tidak akan timbul lagi dan dapat menyenangkan perhatian ataupun ketenteraman penduduk di sekeliling itu.

Yang keduanya, sukaiah saya meminta perhatian bagi Kementerian ini. Di Sekinchan itu anihnya kilang busuk dibenarkan perlesenan menjalankan kilang ikan busuk di tengah-tengah perkampungan penduduk. Ini satu masaalah yang sangat patut diambil perhatian oleh Kementerian. Sudah barang tentu bila kilang busuk dijalankan sudah tentulah ia akan menimbulkan pollution yang mengeluarkan bau yang busuk dalam kawasan itu. Jadi, patutlah pada masa akan datang ditentukan supaya tidak menjejaskan ketenteraman penduduk-penduduk di kawasan sekelilingnya.

Satu perkara lagi berkenaan dengan pengangkutan lori mengangkut bahan-bahan ikan busuk, sebagaimana kata seorang Ahli Yang Berhormat tadi tidak dapatlah dielakkan kerana sungguh mengganggu ketenteraman lalu lintas dan sebagainya. Ini saya percaya, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah dimaklumkan semasa beliau melawat ke Sungai Besar dulu. Dalam perbincangan pada suatu masa dulu rupanya boleh diadakan satu lori yang boleh ditutup rapat iaitu tidak boleh mengeluarkan air busuk barang setitik pun keluar atau baunya bila dibawa bahan itu. Saya rasa arahan ini patut dikuat-kusakan.

Yang ketiganya, Tuan Pengerusi, saya minta dan merayulah kepada Kementerian ini menghantar banyak lagi atau kerap kali enforcement officer untuk buat surprise check dan sebagainya dan menentukan arahan-arahan dan peraturan-peraturan yang dibuat dan diikuti oleh kilang-kilang yang berkenaan.

4.58 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Tuan Pengerusi, saya juga turut mengambil bahagian di dalam perbincangan perbelanjaan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Saya cuma ingin menyentuh berkenaan dengan alam sekitar. Sepanjang yang saya tahu, mereka yang menyebabkan pencemaran alam sekitar ialah orang-orang kaya, pengilang-pengilang dan pengusaha-pengusaha. Dan mungkin dengan kerana ini jugalah mengapa pihak yang berkenaan tidak terdaya mengambil tindakan yang tertentu kepada mereka ini. Misalnya, tadi saudara saya Yang Berhormat dari Setapak ada menyatakan Kilang Lee Rubber. Di tempat kawasan saya juga Lee Rubber ini telah ada. Dan hasil daripada industrial waste daripada kilang-kilang ini telah mengalir ke sungai dan banyak sungai-sungai ini melalui tanah-tanah pertanian dan air ini telah meresap masuk ke bendang-bendang. Tetapi yang menjadi masalah ialah apabila air-air ini meresap masuk ke bendang dan padi telah menjadi gemok tetapi malangnya gemok sajalah tetapi tidak ada isi. Inilah yang menjadi kesulitan.

Selain daripada itu, sahabat saya Yang Berhormat dari Kangar tadi menyatakan hasil daripada debu-debu kilang simin, rumah papan sudah jadi macam simin. Di tempat saya pula sebaliknya debu-debu daripada

tanah merah di mana Boon Siew telah mengubah bukit pindah ke laut dan hasil daripada itu, lori-lori itu telah melalui kampung-kampung sehingga kampung-kampung sudah menjadi macam cow-boy town. Inilah malangnya.

Lagi satu tempat ialah di Prai Industrial Complex. Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian telah dibawa ke tempat itu dan melihat dengan sendiri, tetapi apa tindakan yang akan diambil Tuhan sahajalah yang maha mengetahui.

Selain daripada itu, berkaitan dengan bau busuk. Yang Berhormat Timbalan Menteri juga telah dibawa ke satu kilang baja ikan, tetapi malangnya, dua tiga hari sebelum itu maklumat ini telah sampai kepada pengilang itu dan hantu-hantunya telah beritahu sehingga apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri melawat ke tempat itu tempat itu sudah menjadi baru harum, busuk sudah hilang. Inilah yang menjadi masalah. Yang menjadi persoalannya ialah kilang-kilang ini didirikan dalam perkampungan. Mengapa Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar meluluskan kilang-kilang ini didirikan di kawasan-kawasan itu sehingga menimbulkan masalah-masalah yang tidak dapat diselesaikan. Saya katakan perkara ini tidak dapat diselesaikan, Tuan Pengerusi, kerana mungkin pada ketika ini sains dan teknologi belum sampai lagi ke peringkat di mana kita hendak mengatakan setakat manakah yang dikatakan pencemaran. Kalau kita tidak dapat menentukan selagi itulah masalah-masalah ini akan timbul dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan memberi pandangan yang berat. Janganlah kita mengadakan undang-undang, tetapi kita tidak dapat kuatkuasakan, kerana ini ialah diibaratkan sebagai anjing yang tidak ada gigi. Apabila anjing tidak ada gigi tidak ada siapa yang takut.

5.03 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong penuh peruntukan yang diminta oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan saya mengucapkan terima kasih yang mana satu makmal penyelidikan didirikan di Ipoh, di Negeri Perak. Apa yang mendukacitakan saya di mana makmal itu

ada, di situlah banyak berlaku beberapa pencemaran. Contohnya, saya maksudkan seperti pencemaran air di Sungai Kinta yang menyebabkan nelayan-nelayan ataupun penangkap-penangkap udang galah yang terkenal di kawasan itu sampai sekarang belum lagi mendapat jawapan yang pasti apakah tindakan yang telah dibuat oleh Kementerian yang berkenaan. Pendek kata, dahulu memanglah terkenal kalau pelawat-pelawat yang datang ke Telok Anson tentu hendak bertanya mana udang galah yang baik, bahkan inilah satu sungai iaitu Sungai Kinta merupakan yang banyak sekali mengeluarkan hasil udang galah, tetapi akibat pencemaran yang dibuat oleh beberapa lombong yang ada di atas itu, maka hilanglah mata pencarian penduduk-penduduk di sekitar tepi sungai yang berkenaan.

Yang kedua, berkenaan dengan pencemaran akibat lombong juga. Kawasan sawah padi di kawasan saya seperti kawasan Sungai Manik, lombong di sebelah utara mengalir ke Sungai Batang Padang telah merosakkan padi akibatnya kalau tidak dikawal selalu, maka hasil petani-petani di kawasan tersebut akan berkurangan. Jadi, bila kekurangan mengakibatkan pula satu jabatan yang lain pula terpaksa memberikan bantuan. Dengan cara yang demikian, bolehlah kita katakan kekuasaan yang ada pada kita, kita tidak memberi perhatian bagi membantu petani-petani yang ada di luar bandar. Saya harap pihak Kementerian yang berkenaan dapat mengawasi dari satu masa ke satu masa supaya pencemaran daripada air lombong iaitu kepada mereka yang kaya tidak menindas mereka yang miskin akibat perbuatan yang mereka lakukan itu.

5.08 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang telah diminta oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bagi Kepala B. 47.

Tuan Pengerusi, tadi dalam Dewan ini kita telah dengar beberapa orang daripada Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan bagaimana keadaan di tempat masing-masing dan yang banyak sekali disebut di Ipoh yang berhampiran dengan tempat saya di Taiping. Tuan Pengerusi, dalam hal ini apa yang telah terjadi di dalam negara kita sehingga pada masa ini ialah dengan ke

benaran daripada pihak Kerajaan yakni dengan kebenaran daripada pihak Kementerian-kementerian yang lain dan diminta pula Kementerian yang berkenaan ini melarang supaya hal ini dielakkan semula. Bagaimanakah caranya, Tuan Pengerusi, dua buah kilang udang misalnya yang sudah sedia ada beberapa tahun hendak dielakkan daripada bau busuk. Dan bagaimana pula, Tuan Pengerusi, sebuah kilang kelapa sawit yang besar yang telah mencemarkan sebuah sungai yang cantik yang tidak dapat memberi faedah lagi daripada sungai itu pada masa sekarang. Ini kerana kebenaran telah diberi oleh pihak-pihak yang lain dan diminta pula kepada Kementerian ini melarang perkara pencemaran alam yang sudah wujud sekarang ini. Kalau beginilah berlaku lagi pada masa akan datang pihak yang lain membenarkan, tadi saya sebut dua buah kilang udang memproses udang yang dihantar keluar negeri dan pada masa akan datang kebenaran seperti ini akan diberi lagi mungkin lebih daripada 20,200 atau seterusnya. Saya contohkan tadi sebuah kilang kelapa sawit dan mungkin ada lagi kilang ini akan didirikan. Tadi saya sebutkan satu mungkin sudah wujud di dalam negara kita berpuluh-puluh ataupun beratus-ratus buah kilang. Bagaimana hendak mengelakkan benda yang sudah ada, inilah sudah menjadi masalah pada masa ini.

Saya sebutkan tadi dua buah kilang udang yang memproses dan dihantar keluar negeri yakni kilang ini ada di kawasan saya sendiri, Tuan Pengerusi. Siapa yang lalu mengikut jalanraya daripada Kuala Lumpur ke Pulau Pinang ataupun Ipoh ke Taiping atau ke Pulau Pinang dan sebagainya, kita akan berjumpa dua buah kilang ini yang berhampiran dengan Taiping, empat batu ke Taiping dan kita dapati apabila sesiapa sahaja sampai di kawasan ini mereka akan bersungut bagaimana busuknya di kawasan yang tidak pernah busuk di satu masa dahulu. Ini tidak dapat dielakkan. Saya katakan tidak dapat dielakkan lagi, Tuan Pengerusi, perkara ini kita telah rujukkan kepada Kerajaan Negeri dan cuba mengelakkan daripada bau busuk ini, Kerajaan Negeri telah memberi peruntukan lebih daripada \$62,000 kerana membuat satu anak sungai yang baharu supaya dapat mengalirkan air yang busuk daripada dua buah kilang ini ke sungai, tetapi keadaan ini tidak boleh hilang juga, dan busuk kekal sehingga sekarang. Kalau Kerajaan Negeri memberi

lagi \$62,000 pun pada masa akan datang saya percaya keadaan ini sudah tidak boleh dielakkan lagi.

Begitu juga sebuah kilang kelapa sawit yang sudah ada di kawasan saya sendiri telah beberapa lama dan kemungkinan sebuah kilang lagi akan dibangunkan, sungguhpun perkara ini rakyat jelata telah meminta saya bawa kepada pihak yang berkenaan dan saya telah mengemukakan masalah ini semua.

Yang menjadi masalah, Tuan Pengerusi, dari peringkat kuasa Kementerian ini dari peringkat daerah. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, kuasa Kementerian ini dari peringkat daerah ada wujud di daerah masing-masing? Saya berkata begitu kerana apabila hal ini dibawa ke peringkat Pegawai Daerah, Pegawai Daerah biasanya membawa hal ini pula kepada Pegawai Jabatan Parit dan Taliair, kerana dia kata sungai ini hak Jabatan Parit dan Taliair, tidak pun disebut daripada Pegawai Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Apabila benda ini semua sudah jadi, sudah wujud barulah pihak-pihak yang berkenaan merujuk kepada pegawai-pegawai dan saya dapati sesiapa pun jadi pegawai sudah timbul menjadi masalah hal pentadbiran masing-masing.

Tuan Pengerusi, oleh kerana hal ini telah menjadi masalah yang besar di dalam negara kita dan kalau tahun ini tahun yang sudah masuk dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini sudah begitu banyak terjadi pencemaran alam, saya percaya di dalam Rancangan Malaysia Ketiga apabila wujud perlaksanaannya kemungkinan pencemaran alam ini jika tidak dijaga makin bertambah lagi daripada yang ada. Oleh sebab itu, saya suka mengesyorkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri cuba mencari penyelesaian bagaimanakah pentadbiran khasnya dari peringkat daerah sendiri kerana dari peringkat daerah, dari pihak Kementerian-kementerian lain, saya dapati sudah ada dan dapat diselaraskan tetapi Kementerian, ini dari peringkat daerah saya tidak nampak kerana terpaksa dibawa kepada beberapa pihak yang berkenaan. Jika kilang ini hendak dibawa ke dalam kawasan Majlis Daerah di Pengerusikan oleh Pegawai Daerah di dalam Majlis Daerahnya sendiri dan jika ada kaitan dengan Jabatan Parit dan Taliair di Pengerusikan oleh Pegawai Jabatan Parit dan

Taliair di kawasannya masing-masing. Oleh sebab itu, kekuasaan sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh tadi bukan sahaja wujud dari peringkat pusat, dari peringkat negeri bahkan hendaklah wujud di peringkat daerah supaya apa yang akan jadi lagi pada masa yang akan datang dapat diselamatkan dan apa yang telah ada pada masa ini dapat dikurangkan mengikut peringkat-peringkatnya.

Saya tertarik hati kerana Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh telah menceritakan Yang Berhormat Timbalan Menteri melawat ke kawasannya, saya pun ingin menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri melawat ke kawasan saya dan mengikut saya menyaksikan sendiri bagaimana kecemaran alam ini telah ada di tempat itu beberapa lama dan sehingga ini tidak dapat diselesaikan lagi dan saya ingin membawa Yang Berhormat Timbalan Menteri melawat ke kawasan lain yang sudah dibangunkan sebuah kilang kelapa sawit yang besar yang akan menerima nasib juga seperti kilang kelapa sawit yang lain yang ada di kawasan saya itu. Jika ini ada, kemungkinan akan ada lagi oleh kerana di kawasan saya cukup subur sangat dengan pokok-pokok, tumbuh-tumbuhan ini maka kelapa sawit telah menjadikan satu tanaman keutamaan yang akan menggantikan tempat tanaman getah pada masa akan datang. Oleh sebab itu, saya percaya kalau semua Ahli-ahli Yang Berhormat menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri melawat tentulah menjadi masalah yang besar juga. Jadi untuk sampai kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri melawat ke kawasan masing-masing, eloklah pegawai-pegawai yang berkenaan itu bertindak lebih dahulu supaya mencari jalan menyelesaikan kekotoran, kecemaran alam ini dapat diatasi dengan seberapa segera dan jika boleh hendak dibangunkan pada masa yang akan datang dapat menasihati, dapat dikawal pula daripada pegawai-pegawai, cadangan-cadangan ataupun nasihat-nasihat daripada kuasa-kuasa yang ada kepada pegawai-pegawai daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini.

5.15 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya turut menyokong tambahan peruntukan di bawah kepala B. 47 dan P. 43 oleh Timbalan

Menteri yang berkenaan dan suka mengemukakan rancangan untuk menyediakan satu makmal penyelidikan di Ipoh. Walau bagaimanapun, saya suka menyentuh beberapa perkara.

Sebagaimana kita ketahui, Tuan Pengerusi, alam sekitar ini Kementerianya baru sahaja ditubuhkan kalau dibandingkan dengan Kementerian-kementerian yang lain untuk mengawal supaya keadaan alam sekitar kita dapat dikawal. Saya ingat lagi tempoh 20 atau 25 tahun dahulu tempat-tempat di mana kita dapati seronok, elok keadaannya, tempat-tempat boleh berasmara dan sebagainya kerana kecantikan alam sekitar di pantai-pantai, di tepi-tepi sungai, di Morib misalnya. Kalaulah Timbalan Menteri yang berkenaan pergi ke pantai Morib, 20 tahun dahulu pantainya putih, cantik tetapi sekarang ini sudah berlumpur, barangkali adalah dalam 500 ela yang masih berpasir putih dan yang lain itu sudah menjadi lumpur. Begitu juga di Port Dickson, insya Allah dalam 5 tahun barangkali keadaannya macam Morib juga kalau kita tidak kawal.

Saya berpendapat bahawa berkenaan baa-bau ini ada bau busuk pada orang lain macam belacan, cencalok dan budu, tetapi sedap pula kata orang lain. Saya tidak begitu mengambil berat tetapi yang saya mengambil berat adalah kawalan-kawalan berkenaan dengan pelombong-pelombong. Yang saya tahu kaum-kaum pemodal yang hendak memajukan lombong ini apabila permohonan itu dibuat sebelum diluluskan, diadarkan kepada beberapa jabatan dan yang saya ketahui tidak pernah diadarkan untuk komen daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini. Jadi saya mintalah supaya pada masa-masa yang akan datang sebelum permohonan untuk mendapat tanah di lombong, permohonan untuk mendapat tanah ditukarkan syarat untuk menjadi perumahan dan apa-apa juga permohonan yang boleh melibatkan alam sekitarnya bertukar, hendaklah dirojokkan untuk disokong atau tidak oleh Kementerian yang berkenaan.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, Kementerian ini juga patut melihat keadaan-keadaan negeri di luar Malaysia, misalnya di Amerika, di United Kingdom, di negeri-negeri di mana pada satu masa dahulu keadaan hidup liar begitu mewah, begitu banyak adanya keadaan-keadaan hutan,

keadaan-keadaan pantai di negara-negara itu mengapa maka sekarang boleh jadi begitu cemar, begitu kotor dan tidak begitu mendatangkan kebaikan kepada alam disekitarnya. Kalau pegawai-pegawai kita dihantar ke sana untuk mengkaji perkara-perkara ini maka tidak payah kita membelanjakan wang yang banyak untuk kajian (research) kerana kesilapan mereka itu akan menjadi asset kepada kita dan kita dapat mempelajarinya.

Berkenaan dengan perkara ini juga, saya suka membawa pandangan Kementerian atas lawatan-lawatan dan latihan-latihan Pegawai-pegawai Kanan daripada Kementerian supaya dapat dihantar ke seberang laut. Saya suka juga Kementerian ini mengkaji bukan sahaja berkenaan dengan Lee Rubber dan sebagainya, tetapi juga mengapa maka keluaran-keluaran daripada ladang kelapa bali dan juga ladang-ladang getah membawa kepada bau busuk disekitar kampung itu. Kuala Selangor misalannya, banyak ladang kelapa bali dan setiap kali sesiapa pun lalu di jalanraya tidak akan terkecuali bau busuk daripada kelapa bali ini.

Tuan Pengerusi, perkara ini telah beberapa kali dibawa kepada perhatian Kementerian tetapi tidak ada satu tindakan diambil. Di Petaling, misalnya H & C Latex. Ada banyak sudah kejadian orang yang jantungnya lemah mati kerana bau daripada amonia yang digunakan oleh H & C Latex dan sudah beberapa kali diminta supaya saluran air yang keluar daripada faktori H & C Latex itu jangan disalurkan di atas, tetapi dibawa ke bawah iaitu ditutup dibuat satu lobang (tunnel) dan ditimbus supaya saluran itu terus masuk ke sungai tanpa lalu di atas bumi. Sungguhpun perkara ini sudah terjadi lebih 10 tahun, sehingga masa sekarang belum lagi saya tahu seorang pun pegawai daripada Kementerian yang berkenaan menyelesaikan.

Tuan Pengerusi, sekian sahaja pandangan-pandangan saya, dengan penuh harapan supaya Makmal Penyelidikan yang akan diadakan di Ipoh itu dapat membuat kajian-kajian dan penyelidikan.

5.21 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin (Jasin): Tuan Pengerusi, saya turut menyokong dalam peruntukan tambahan bagi Kement-

terian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang diberi peruntukan tambahan sebanyak \$2.4 million.

Tuan Pengerusi, menyentuh dalam soal Kementerian yang berkenaan, saya rasa bukan sahaja bagi negeri Selangor dan Perak yang terlibat, tetapi saya percaya juga Negri Sembilan dan Melaka juga terlibat. Bila menyentuh alam sekitar ini memang semua negeri-negeri yang ada mempunyai pembangunan kilang dan berbagai-bagai kilang, lombong dan sebagainya terlibat dan ada kena mengena dengan masalah pelaksanaan alam sekitar yang belum dapat diatasi oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, menyentuh berkenaan dengan Kementerian ini, saya percaya Kementerian yang berkenaan belum ada kerjasama dengan sesungguhnya antara pegawai-pegawai, Menteri Alam Sekitar dengan Kerajaan Tempatan dan lebih-lebih lagi saya percaya pegawai-pegawai Kementerian ini adalah amat berkurangan dan jika sekiranya berkurangan pegawai-pegawai untuk hendak melaksanakan segala tugas-tugas perlulah disegerakan bagi menambah supaya mengelakkan bencana alam ini supaya jangan merebak dan boleh merosakkan banyak masalah. Dengan adanya perkara-perkara yang telah disebut berkenaan dengan kerosakan air dan sebagainya yang boleh merosakkan pertanian dan juga boleh merosakkan manusia iaitu di kawasan-kawasan tempat yang berkenaan berhubung dengan kurang kajian dan kurang alat-alat untuk hendak membentasi perkara-perkara yang tersebut.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita tahu bau busuk ini bukan berlaku di Kuala Lumpur sahaja bahkan kalau kita melalui daripada Kota, Negri Sembilan sampai ke Chembong, bau busuk itu lebih kurang barangkali lima batu disebabkan kilang Heveacumb Kota yang ada di tepi jalan itu dan di Kota tempat tanaman padi. Daripada Kota sampai ke Chembong, saya fikir tanaman padi tidak dapat dilaksanakan dengan sebab kerosakan air ataupun aliran daripada Kilang Kota membawakan busuk dan seterusnya tanaman tidak jadi. Ini sampai ke Melaka daripada Bachang sampai ke Bandar Melaka, samada debu dan juga air menjadi-jadi sekarang. Dengan ini saya mengharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat mencari satu alat

ataupun bahan yang boleh membunuh racun ataupun acid kepada bau-bau dari kilang-kilang itu dan adakah kerjasama yang sungguh-sungguh, mudah-mudahan acid ataupun air yang dikeluarkan daripada kilang itu tidak boleh merosakkan kepada tanaman-tanaman dan lain-lain yang berkehendakkan kepada bahan-bahan bagi menggerakkan pertanian dan kepada orang ramai di kawasan yang tersebut.

Selain daripada itu saya rasa kerjasama yang sungguh-sungguh seperti yang saya sebutkan dan saya minta kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, satu perkara yang saya rasa penting juga mengenai rancangan menternak babi di kawasan saya dengan kawasan Batu Berendam. Pihak Kerajaan Tempatan meluluskan rancangan menternak babi itu. Saya bukan menentang ternakan babi itu, tetapi rasa saya ini perlulah ada kerjasama supaya ternakan babi ini jangan diletakkan ataupun diluluskan oleh Kerajaan Tempatan dalam kawasan bumiputra khasnya orang-orang Melayu dan dapat kerjasama pula daripada pegawai Kementerian Alam Sekitar, kerana baru-baru ini berlaku hampir bergaduh di kawasan itu, Majlis Tempatan meluluskan belaan babi kawasan itu

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat bercakap di bawah Pecahan-kepala mana?

Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin: Pecahan-kepala 2400, B 47.

Tuan Pengerusi: Itu kepalanya. Pecahan-kepalanya?

Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin: Pecahan-kepala 2400 dalam masalah sains. (Ketawa)

Tuan Pengerusi, jadi dengan adanya memelihara babi yang sedemikian maka air yang dikeluarkan daripada kandang babi itu mengalir ke sebuah sungai, kemudian bila orang kampung mandi di air sungai itu samada anak atau ibubapanya dan ada setengah-setengahnya itu memang biasa mandi di sungai, mana boleh mendatangkan satu penyakit yang kulitnya bengkak-bengkak. Ini adalah satu masalah yang rasa saya amat penting bagi pihak penyelarasan antara Kementerian Alam Sekitar dengan Kerajaan Tempatan supaya sesuai dan jika sekiranya hendak membuatkan ternakan yang

sedemikian yang boleh mendatangkan kerosakan kepada orang awam supaya dapat diberi satu tempat yang betul-betul ataupun satu kawasan khas yang tertentu untuk menyelamatkan ternakan itu dan juga menyelamatkan orang ramai.

Saya juga mengharapkan supaya kilang-kilang yang akan didirikan di masa yang akan datang ini supaya jangan diberi kepada private company untuk mendirikan kilang-kilang yang tidak mahu masuk di dalam kawasan perindustrian. Ini saya harap boleh jadi satu jalan yang memberikan pertolongan iaitu kawasan alam sekitar ini dapat dikawal dalam satu tempat perkilangan, tidak seperti sekarang ini ada setengah-setengah kilang dibuat secara private company di dalam kawasan-kawasan yang ramai penduduk-penduduk dan kadang kala dengan adanya kilang itu boleh merosakkan pula keadaan-keadaan dan alam tempat itu yang boleh merosakkan pertanian dan boleh juga melemahkan atau menjadikan satu kerosakkan kepada orang ramai. Maka dengan ini saya sekali lagi mengharapkan kepada Kementerian yang berkenaan jika sekiranya pegawai tidak cukup, negeri Melaka pun jarang pegawai dari Kementerian ini datang, saya fikir Melaka dipandang kecil, tetapi ada banyak masalah yang telah timbul. Pegawai tidak datang, jadi tidaklah dia tahu dan saya harap mudah-mudahan ia datang berunding dan dapat kita selesaikan dalam masalah hendak menyelaraskan antara Kementerian Alam Sekitar dengan Kerajaan Tempatan dan Kerajaan Negeri, mudah-mudahan kehendak Kementerian dan kehendak negara dapat diselaraskan dan dapat kemajuan pada masa akan datang.

5.30 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya suka juga bangun bersama-sama untuk menyokong tambahan peruntukan Kementerian Alam Sekitar, P. 47 dan P. 43 yang mana untuk mengadakan makmal penyelidikan di Ipoh. Saya rasa dengan adanya makmal yang akan didirikan di Ipoh itu akan dapat lebih lagi menyiasat segala pencemaran alam sekitar pada hari ini. Apa yang saya suka menarik perhatian di sini ialah mengenai dengan Negeri Kelantan bahawa hari ini bolehlah dikatakan negeri dara lagi, tak ada lagi perusahaan-perusahaan dan kilang-kilang . . .

Tuan Pengerusi: Negeri apa Yang Berhormat?

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Dara lagi, Tuan Pengerusi. Jadi tidak adalah lagi banyak kilang-kilang dan perusahaan-perusahaan yang didirikan di negeri Kelantan hari ini. Dengan adanya makmal penyelidikan ini, saya harap di dalam Rancangan Malaysia Ketiga hari ini kemungkinan segala pembangunan dan juga segala kilang-kilang dan perusahaan-perusahaan akan banyak didirikan di dalam negeri Kelantan. Saya suka juga menarik perhatian Timbalan Menteri yang berkenaan supaya sebelumnya terjadi bau busuk dan sebagainya yang telah kita alami di negeri-negeri yang lain pada hari ini supaya dapatlah negeri Kelantan itu tidak menjadi bau busuk dan cemar supaya dapat dilihat alam semula jadi di negeri Kelantan pada hari ini. Dan juga saya berharap kepada pihak Kementerian yang berkenaan ada tapak-tapak untuk hendak membuat kilang-kilang seperti di Pengkalan Cempa dan sebagainya, saya berharap pihak Kementerian Alam Sekitar hari ini menyiasat keadaan-keadaan tapak-tapak yang akan didirikan kilang-kilang itu supaya tidak berbau busuk dan segala air longkang dan sebagainya dapat mengalir. Jadi tidaklah bertakung sebagaimana yang kita lihat pada hari ini di negeri-negeri yang lain, di mana didapati dalam suratkhbar yang mana Timbalan Menteri kita melawat baru-baru ini. Saya sungguh-sungguh berharap bagi negeri Kelantan supaya keadaan alam sekitar kita di sana tidaklah berbau busuk sebagaimana negeri-negeri lain yang telah bercambah dengan kilang-kilang hari ini. Dengan adanya pembaharuan dan dengan adanya makmal penyelidikan itu saya berharap negeri Kelantan tidak akan menjadi seperti di negeri-negeri yang lain hari ini.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, pandangan saya dan saya harap Kementerian ini dapat membuat penyelidikan berkenaan dengan kilang-kilang yang akan didirikan di negeri Kelantan.

5.34 p/g.

Datuk Haji Abdullah Ahmad: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana seramai 11 orang anggota Dewan Rakyat telah berucap berkenaan dengan masalah alam sekitar:

sepuluh lelaki dan seorang perempuan. Saya memberi statistik ini, kerana semenjak dua hari masa Anggaran Belanja Tambahan dibahaskan, tidak ada Kementerian yang menarik perhatian begini rupa, selain daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Sebab besarnya minat ini, barangkali kerana Kementerian ini baru dan orang pun baru. Sesungguhnya saya sangat seronok dan gembira kerana sudah ada kesedaran yang membanggakan dikalangan rakyat negara kita ini terutama sekali dikalangan MPs berkenaan dengan mutu kehidupan atau quality of life rakyat kita.

Setengah-setengah orang barangkali kurang faham berkenaan dengan function Alam Sekitar tetapi saya sangat gembira dengan kesedaran yang telah ditunjukkan oleh 11 orang MPs pada petang ini. Yang sebenarnya, seperti yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor dan juga Setapak tadi, memanglah sangat benar: ini bukan sahaja satu Kementerian yang baru, sudahlah baru pegawai-pegawai pun baru sahaja kita dapat. Dengan sedikit bilangan pegawai kita yang ada itu, Kementerian saya sedaya-upaya akan cuba mengurangkan bau busuk, pencemaran dan kekotoran air dan udara diseluruh negara. Sebenarnya saya pun sebelum ditukar ke Kementerian ini tak tahu tentang pencemaran dan begitu merebak sekali bau busuk dimerata tempat dalam negara kita ini. Saya telah pun pergi ke Pulau Pinang, sekarang saya tahu di Melaka, saya tahu di Matang, di Tanjong Karang dan tempat-tempat lain pun masalah yang serupa sedang dihadapi oleh rakyat kita. Ini adalah satu pelajaran kepada saya. Dengan bilangan pegawai yang kecil ini kita akan cuba dengan sedaya-upaya mengatasi masalah-masalah yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang jelas adalah menyeluruh negara.

Masalah bau busuk yang telah lalu dan wujud adalah susah sedikit hendak diatasi tetapi kita akan cuba. Bau busuk dimasa depan, saya rasa boleh dikawal. Apa yang telah busuk rumit mengatasinya. Tetapi Kementerian Alam Sekitar akan cuba kurangkan bau busuk itu, kalau boleh.

Berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor tadi, saya suka memberitahu di sini bahawa Kementerian Alam Sekitar

sedang membuat peraturan dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian agar semua permohonan-permohonan baharu untuk menubuhkan kilang-kilang perusahaan dan perindustrian dikemukakan terlebih dahulu bagi penilaian Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sebelum diluluskan. Begitulah juga persefahaman dengan Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan dengan kegunaan tanah di seluruh negara. Sebab itu saya katakan tadi bahawa bau busuk, pencemaran dan pollution boleh kita kawal. Peraturan-peraturan seperti ini akan juga dirunding dengan Local Council Authorities dan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menentukan alam sekitar kita tidak kotor lagi atau kurang cemar, dan berbau busuk. Kerjasama daripada Kerajaan Negeri, khususnya daripada pihak berkenaan Kerajaan Tempatan (Local Council Authorities) sangatlah perlu. Apa yang Ahli-ahli Yang Berhormat telah bangkitkan tadi sebenarnya, kebanyakannya, bersumberkan daripada kuasa diperingkat Kerajaan Tempatan dan kami di Kementerian hanya boleh menasihati tentang cara-cara mengawal masalah-masalah yang dihadapi, tetapi pada hakikinya, tanggungjawab adalah diperingkat negeri dan Kerajaan Tempatan.

Berkenaan dengan asap kereta yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, saya sukacita menyatakan disini bahawa peraturan-peraturan baru di bawah Road Traffic Ordinance, 1958 sedang disediakan dan sebaik sahaja smoke emission measuring equipment diterima kita akan kuatkuasakan.

Berhubung dengan pencemaran dan juga pollution akibat daripada kilang-kilang kelapa sawit, kilang getah dan sebagainya yang telah diceritakan oleh 10 orang Ahli Yang Berhormat tadi, kita sekarang sedang berusaha untuk mengatasinya. Kita telahpun menubuhkan beberapa jawatankuasa bagi menentukan "standard kawalan" dan setelah jawatankuasa ini membuat standard kawalan, kita akan melaksanakannya bukan sahaja di tempat-tempat yang dibangkitkan itu tetapi secara menyeluruh dalam negara kita.

Kementerian saya sekarang sedang menyediakan satu plan induk untuk mengatasi masalah pollution—pencemaran dan juga kekotoran di seluruh negara, bukan sahaja isolated cases dan areas atau dimana tempat-

tempat yang terkhusus. Umpamanya di Pulau Pinang kita sedang membuat kajian dan kajian ini akan siap dalam beberapa minggu lagi. Kajian dan penyelidikan yang sedang dijalankan bukan sahaja di tempat-tempat yang saya lawati baharu-baharu ini, tetapi bagi seluruh Pulau Pinang dan Seberang Prai. Dengan adanya kajian dan cadangan-cadangan maka dapatlah tindakan yang sewajarnya diambil.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak telah membangkitkan berkenaan dengan pencemaran lombong. Bahagian Alam Sekitar di Kementerian Sains dan Teknologi sekarang sedang bekerjasama dengan United Nations Environmental Programme untuk meninjau masalah tersebut agar satu cara kawalan yang berkesan dapat diadakan dengan segera. Ini bukan sahaja masalah dihadapi oleh Perak bahkan di Selangor juga dan kita akan atasi bukan sahaja satu tempat tetapi secara menyeluruh. Ini perlulah masa sedikit kerana seperti yang dikatakan tadi, Kementerian ini baharu, Pegawai pun tidak cukup. Saya sangat berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong, ada setengahnya, mendesak supaya ditambahkan lagi peruntukan dan bilangan pegawai-pegawai kepada Bahagian Alam Sekitar, Kementerian saya ini.

Berkenaan dengan perkara-perkara lain yang dibangkitkan barangkali ada detail sedikit, saya sendiri sanggup berjumpa dengan 11 orang MPs yang bercakap tadi. Saya akan jemput Ahli-ahli Yang Berhormat tadi berjumpa pegawai-pegawai Kementerian saya ataupun kami melawat ketempat-tempat yang disebutkan tadi. Saya akan berunding dengan pegawai-pegawai dan kalau perlu kami akan pergi sendiri di kawasan-kawasan itu. Tetapi buat permulaan, biarlah saya berjumpa dengan 11 orang Ahli-ahli tadi, kerana saya sangat tertarik hati di atas kesedaran dan mengambil beratnya Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan mutu kehidupan rakyat dan alam sekitar negara. Kekotoran, pencemaran, pollution dan bau busuk bahkan bising memang mengancam mutu dan taraf hidup rakyat kita.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,414,625 untuk Kepala B. 47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; dan wang sebanyak

\$60,800 untuk Kepala P. 43 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1974.

Kepala B. 49 (Jadual Pertama)

Kepala B. 49 dan B. 52 (Jadual Kedua)—

4.44 ptg.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Tuan Pengerusi, saya ingin mohon kelulusan bagi peruntukan sebanyak \$134,631 di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan keempat tahun 1974 bagi Kementerian saya. Peruntukan tambahan ini adalah diperlukan bagi Kementerian ini di bawah Kepala B. 49—Jabatan Cetak. Saya juga ingin memohon kelulusan bagi peruntukan tambahan Kementerian sebanyak \$173,490 di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1976 bagi Kementerian saya.

Permohonan ini ialah untuk peruntukan tambahan, peruntukan tanda Kepala B. 49 sebanyak \$10 dan Jabatan Arkib dan Perpustakaan Negara sebanyak \$173,480. Kepala B. 49—Jabatan Percetakan, Pecahan-kepala 1200 Elaun dan Lain-lain Habuan Wang \$134,631. Tambahan sebanyak \$134,631 adalah dikehendaki bagi membayar elaun lebih masa kepada kakitangan Jabatan Cetak Kerajaan yang telah bekerja lebih masa dalam tahun 1975 bagi mencetak dokumen-dokumen dan kertas-kertas undi Pilihanraya Umum. Perbelanjaan ini telah tidak dianggarkan dalam tahun 1974 oleh kerana Pilihanraya telah diumumkan dalam masa yang singkat sahaja.

Kepala B. 52 Arkib dan Perpustakaan Negara, Pecahan-kepala 2500 sewaan sebanyak \$173,480 dan peruntukan tanda \$10 kepada B. 49. Tambahan sebanyak \$173,480 adalah dikehendaki bagi membayar sewaan ruangan bagi Perpustakaan Negara. Ruang Perpustakaan Negara di bangunan UMBC tidak lagi mencukupi dan telah berpindah ke ruang yang lebih luas di bangunan baharunya di Wisma Thakurdas/Sachdev dalam bulan Disember, 1975. Peruntukan bagi sewaan ruang yang telah diluluskan dalam Anggaran bagi tahun 1976 sebanyak \$206,270 adalah berdasarkan kepada sewaan ruangan Perpustakaan Negara di Bangunan UMBC. Ruang di bangunan baharu Perpustakaan Negara hampir dua kali ganda besarnya daripada ruang lama yang mana ini akan me-

merlukan peruntukan tambahan sebanyak \$173,480. Ada pun peruntukan tanda sebanyak \$10 itu ialah di bawah Kepala B. 49 kerana peruntukan tajuk Kementerian saya berikutan dengan penyusunan semula portfolio Kementerian saya pada 5hb Mac, 1976 yang baharu lalu.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa peruntukan tambahan Belanja Mengurus di bawah Kepala B. 49 sebanyak \$134,631 bagi tahun 1974 dan peruntukan tambahan di bawah Kepala B. 49 peruntukan tanda \$10 dan di bawah Kepala B. 52 sebanyak \$173,480 menjadi \$173,490 bagi tahun 1976 diluluskan juga oleh Dewan ini.

5.48 ptg.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abd. Shuker (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kementerian ini. Di bawah Kepala B. 52—Arkib Negara saya ingin hendak memperkatakan sesuatu dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, dilihat kepada Memorandum Perbendaharaan bahawa selain daripada peruntukan tambahan sebanyak \$173,490 untuk bayar sewa Pejabat Perpustakaan Negara di bangunan Wisma Thakurdas/Sachdev sekarang telah berpindah daripada bangunan UMBC pada awal tahun 1976 ini. Maka dengan peruntukan yang telah diluluskan dalam Anggaran dahulu sebanyak \$206,270 di bawah Pecahan-kepala 2500 iaitu sewaan, maka jumlahnya \$379,750.

Masalahnya, Tuan Pengerusi, bukanlah masalah sewa ruangan Pejabat Perpustakaan itu tetapi adalah masalah Pejabat Perpustakaan Negara kita nampaknya terus jugalah menyewa daripada sebuah bangunan kepada sebuah bangunan yang lain. Kalau tidak salah saya, dalam tahun 1975 dahulu ada suatu peruntukan yang telah dibuat untuk membangunkan Bangunan Arkib Negara kita. Tidakkah saya ketahuhi mengapa bangunan itu belum didirikan sekarang.

Tuan Pengerusi, yang menjadi masalahnya tentulah tidak munasabah jika sebuah pejabat perpustakaan bagi negara kita sendiri berterus-terusan menyewa di bangunan-bangunan yang lain hingga kepada beberapa lama, sebab itu saya berharaplah supaya cadangan hendak membangunkan bangunan

Arkib Negara kita dapatlah hendaknya dilaksanakan dengan seberapa segera, kerana bangunan Perpustakaan Negara saya rasa sangat mustahak kerana memandangkan tugas-tugas dan tanggungjawab Jabatan ini sangat penting untuk memelihara bahan-bahan percetakan bagi mencerminkan warisan kebudayaan negara kita. Demikian juga menyimpan segala rupa bahan-bahan yang akan menjadi pusat maklumat yang dikehendaki oleh negara kita dari satu masa ke satu masa untuk menyediakan sumber-sumber maklumat bagi memupuk dan mengkayakan lagi perkembangan kebudayaan, perkembangan intellectual dan juga perkembangan ekonomi rakyat. Dengan sebab itu, sekali lagi saya menekankan dalam ucapan saya ini supaya projek pembangunan Arkib Negara yang telah dibincangkan sejak lama dahulu hendaklah dilaksanakan dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh kepada tugas-tugas Perpustakaan Negara bersabit dengan perkhidmatannya kepada Perpustakaan Awam di seluruh negara kita dan memandangkan betapa pentingnya Perpustakaan Awam itu yang tentu sahaja boleh memainkan peranannya kepada pembangunan negara kita. Saya harap supaya Jabatan Perpustakaan Negara memberikan peruntukkan kewangan yang lebih kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membangunkan Perpustakaan awam yang lebih banyak di kawasan-kawasan bandar dan luar bandar tiap-tiap negeri. Demikian juga dengan bahan-bahan bacaan, saya juga berharap supaya Perpustakaan Negara kita dapat menyediakan bahan-bahan bacaan dan juga bahan-bahan penerangan yang lebih banyak untuk dibekalkan kepada Perpustakaan Awam di peringkat negeri dan juga daerah-daerah.

Saya sangat menaruh keyakinan bahawa jika Perpustakaan Awam boleh dilengkapi dengan alat-alat bacaan yang saya sebutkan tadi dengan alat-alat penerangan, maka bukan sahaja dapat menolong memainkan peranan dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga yang akan dilancarkan tidak lama lagi, bahkan juga dapat memainkan peranan dalam masalah kita mengatasi pengaruh kominis sekarang ini. Dengan sebab itu, Tuan Pengerusi, saya menekankanlah lagi sekali supaya Perpustakaan Negara memberikan peruntukkan kewangan kepada Kerajaan-

kerajaan Negeri dan juga membekalkan bahan bacaan dan bekalan-bekalan penerangan.

Tuan Pengerusi: Perkara itu sepatutnya dikemukakan pada masa membincangkan dasar, tetapi tidak apalah saya benarkan juga.

5.55 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Kepala B. 49—Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan yang tambahan belanjanya berjumlah \$308,121.

Saya ingin menyentuh tentang Pecahan-kepala 1100 (2) iaitu Perkhidmatan kepada Kerajaan Tempatan. Semenjak Akta Kerajaan Tempatan diluluskan oleh Dewan ini, Kerajaan Negeri yang mula-mula menubuhkan Kerajaan Tempatan ini ialah Kerajaan Negeri Pulau Pinang, bersabit dengan penubuhan Kerajaan Tempatan di Pulau Pinang yang mana sebelumnya kawasan-kawasan di Negeri Pulau Pinang dan Seberang Perai terbahagi kepada dua kawasan iaitu kawasan bandar dan kawasan luar bandar. Apabila ditubuhkan Kerajaan Tempatan ini maka disatukan kawasan luar bandar dengan kawasan bandar.

Tujuan Kerajaan menubuhkan Kerajaan Tempatan ini ialah hendak memberikan kemudahan-kemudahan seperti kemudahan air, bekalan api, kemudahan kesihatan, kemudahan saloran najis, perkhidmatan kesihatan, angkut sampah dan sebagainya. Inilah tujuan pokok Kerajaan Tempatan ini ditubuhkan, jadi oleh sebab disatukan kawasan bandar dan kawasan luar bandar ini supaya kawasan luar bandar yang selama ini tidak mendapat kemudahan-kemudahan yang didapati oleh penduduk-penduduk bandar itu hendak diluaskan ke luar bandar itu sangat baik, tetapi implikasi daripada Penubuhan Kerajaan Tempatan ini ialah masalah membuat rumah iaitu pihak Kerajaan Tempatan di Negeri Pulau Pinang membuat satu peraturan mewajibkan seluruh Negeri Pulau Pinang itu diletakkan di bawah kawasan pelan. Ini bermakna tiap-tiap rumah yang hendak didirikan di Negeri Pulau Pinang sama ada di tepi laut, dalam bandar bahkan di atas bukit mestilah dihantar pelannya kepada Kerajaan Tempatan

untuk diluluskan. Ini sangat baik sebab dengan adanya undang-undang pelan ini rumah-rumah dapat diletakkan dengan secara teratur, dapat diberi kemudahan tetapi disebalik baik itu ada buruknya, Tuan Pengerusi. Buruknya begini, pelan yang hendak dikemukakan kepada Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan ini mestilah dibuat oleh akitek yang berdaftar, kita faham akitek yang berdaftar ini bila hendak membuat satu-satu pelan sekurang-kurangnya \$100 apa hal kepada petani, kepada nelayan, \$100 itu kepada petani zaman dahulu mereka boleh beli kayu, atap dan terus membuat sebuah rumah yang kecil dan mereka boleh terus duduk, \$100 ini baru belanja membuat pelan. Yang menjadi masalaahnya ialah kawasan saya, kawasan luar bandar di Pulau Pinang, 3/4 daripada Negeri Pulau Pinang letaknya di dalam kawasan Balik Pulau iaitu di kawasan luar bandar. Di mana juga saya pergi melawat masalah pelan ini berbangkit hingga ada penduduk-penduduk yang menuduh bahawa dengan adanya Kerajaan Barisan Nasional ini menyusahkan rakyat, maki hamun tidak dapat dikira lagi kepada Kerajaan, kerana adanya undang-undang pelan.

Saya bersetuju pelan ini dikenakan, tetapi hendaklah kita adakan kelonggaran-kelonggaran kepada rakyat di kampung dan kepada orang-orang yang berpendapatan rendah seperti pesawah padi dan nelayan-nelayan orang ini berpendapatan tidak sampai \$100 sebulan macam mana hendak diadakan satu pelan yang dibuat oleh akitek yang berdaftar yang berharga \$100. Itu yang paling murah. Ini masalah yang berbangkit di mana-mana juga dan sehingga hari ini kalau Tuan Pengerusi pergi ke Pulau Pinang sudah ramai orang-orang Melayu buat rumah dalam laut, sebab tidak mampu hendak buat rumah di atas tanah biasa, kalau buat rumah di atas tanah terpaksa kena ambil tandatangan tuan tanah, kena mendapat kelulusan pelan. Jadi mahu tidak mahu tidak ada jalan lain dan tidak ada pilihan lain mereka buat rumah dalam laut, dan pada hari ini lebih daripada 300 buah rumah didirikan di kawasan saya yang terdiri daripada orang Melayu buat rumah dalam laut. Inilah hasil daripada undang-undang yang dibuat oleh Kerajaan kami terpaksa tinggal dalam laut. Kalau dahulu di Weld Quay iaitu di Pelabuhan Pulau Pinang sahaja kita tengok ada orang tinggal

dalam laut, tetapi pada hari ini sudah melarat di kawasan-kawasan pantai di luar bandar. Ini sangat menyedihkan.

Saya harap pihak Kementerian yang berkenaan dapat berunding dengan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan di Negeri Pulau Pinang supaya mencari jalan memberi kelonggaran kepada penduduk-penduduk di kawasan luar bandar ini supaya mereka boleh mendirikan rumah dengan pelan yang disediakan oleh pihak L.P.K.T. iaitu standard plan yang Kerajaan boleh buat dan diberi percuma kepada rakyat. Inilah yang saya harap sangat.

Lagi satu perkara bersabit dengan pelan tadi, ada satu masalah yang menghalang rakyat yang berpendapatan rendah membuat rumah. Kita tahu di Pulau Pinang kawasan tanahnya sangat sempit, terhad, tidak macam negeri-negeri lain seperti Perak, Kedah dan sebagainya. Di Pulau Pinang tanah bukan dikira dengan kaki tetapi dengan inci, satu inci 10 sen. Jadi di manakah orang-orang miskin hendak dapat tapak rumah, hendak buat rumah. Selanjutnya untuk buat pelan tadi pula disyaratkan tanah-tanah pertanian hanya boleh didirikan sebuah rumah sahaja. Dengan demikian, kalau datuk saya ada 3/4 ekar tanah, warisan kepada anak cucunya sebuah rumah sahaja boleh didirikan atas tanah pertanian. Kebanyakan tanah di luar bandar pula adalah tanah pertanian. Kalau hendak buat lebih daripada sebuah rumah, terpaksa kena tukarkan syarat tanah pertanian jadi tanah perumahan, tukar syarat bermakna kita kena bayar lagi wang. Satu ekar tanah kalau hendak tukar syarat sekurang-kurangnya kena bayar \$1,000. Jadi dimanalah orang yang miskin itu boleh duduk, hendak buat tempat tinggal, buat rumah. Untuk buat pondok pun tak boleh. Ini sangat menyedihkan.

Cerita ini berlaku di Pulau Pinang. Saya harap Menteri yang berkenaan tolonglah bertindak sebelum Kerajaan negeri-negeri lain melaksanakan Akta Kerajaan Tempatan ini, pergi tengok kelemahan yang berlaku di Pulau Pinang supaya kelemahan itu tak melarat melibatkan ke lain-lain negeri di Malaysia. Jangan Kerajaan Barisan Nasional dituduh tidak membenarkan rakyat miskin mendirikan rumah dan sebagainya.

Itulah sahaja dan saya berharap Kementerian yang berkenaan dapat mengadakan satu penyelarasan atau berunding dengan Kerajaan Tempatan di Pulau Pinang supaya dapat memberikan kemudahan dan kelonggaran peraturan mengenai masaalah pelan dan sebagainya supaya rakyat miskin dapat mendirikan pondok sekurang-kurangnya untuk mereka berlindung dari hujan dan panas.

6.02 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan tambahan yang dipohon oleh Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan di bawah Kepala B. 49 dan B. 52. Di samping itu saya suka menyentuh satu kepala sahaja, iaitu Jabatan Percetakan.

Jabatan Percetakan yang ada di Jalan Chan Sow Lin Kuala Lumpur sudah berpuluh tahun umurnya dan alat-alat kelengkapan di situ pun sudah berpuluh tahun. Pendeknya tak seimbang dengan keadaan dan kehendak sekarang. Misalnya percetakan yang diperlukan oleh Jabatan Kerajaan seperti Bil-bil yang mustahak macam yang ada di hadapan kita ini lambat siap dan lambat disampaikan kepada pihak yang berkenaan. Ini bukanlah salah pegawai atau kakitangan jabatan yang berkenaan tetapi kerana alat yang digunakan oleh jabatan itu tidak wajar lagi digunakan pada zaman ini, bukan lagi moden. Tiap-tiap tahun perubahan telah berlaku dan dengan adanya perubahan itu tidak dapat Jabatan Percetakan mengeluarkan end-product yang benar-benar dikehendaki oleh jabatan Kerajaan. Jabatan-jabatan Kerajaan pada masa sekarang terpaksa membuat cetakan, risalah-risalah yang dikehendakinya kepada percetakan swasta dan bayarannya sangat mahal. Kalaulah Kementerian yang berkenaan merancang di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dapat memandang dengan berat atas perkara ini, meminta peruntukan yang lebih sedikit supaya dapat alat-alat moden itu dibeli, dilengkapkan dan ditukar yang lama itu. Saya percaya sungguhpun belanjanya, initial expensesnya barangkali besar, tetapi kalau memandangkan masa depan boleh menyelamatkan belanja Kerajaan, kerana Jabatan-jabatan Kerajaan tidak payah membuat cetakan yang saya katakan tadi di percetakan swasta.

Selain dari itu juga teknik-teknik pengeluaran alat-alat percetakan itu juga sudah berubah. Selain daripada alat dan jenteranya. Dengan sebab itu, lagi sekali saya menekankan supaya Kementerian yang berkenaan dapat menghantar technicians ke sebarang laut supaya mempelajari cara-cara teknik yang baru. Sekarang ini ada colour printing dan sebagainya, bukan sahaja dibuat atas kertas tetapi juga atas barang-barang keras seperti aluminium, timah, besi dan sebagainya. Ini juga barangkali technicians kita kurang pengalaman dan diharapkan perkara ini dapat diperhatikan supaya dapat kita meninggikan mutu hasil pengeluaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Percetakan tadi.

6.03 ptg.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Pengerusi, saya juga mengambil kesempatan menyokong Kepala B. 49, Kementerian Kerajaan Tempatan berkenaan dengan Pecahan-kepala 1100 Bahagian Perkhidmatan Kerajaan Tempatan.

Kalau kita tengok daripada susunan pentadbiran Kerajaan kita, kita ada Kerajaan Tempatan tetapi kalau kita pergi ke Majlis-majlis Tempatan, seolah-olah tak ada orang yang mengawalinya, kerana setengah pentadbiran Kerajaan Tempatan sangat menyedihkan seolah-olah macam tidak ada undang-undang yang dapat mengawalinya terutama dari segi kesihatan, kekotoran parit-parit dan kawalan membuang sampah. Walaupun beberapa banyak fikiran yang diberikan dan juga rayuan supaya Majlis Tempatan membersihkan parit-parit yang kotor ataupun sampah sarap, tetapi apabila kita bertanya, mereka katakan, tak ada kuasa, tak ada wang.

Tuan Pengerusi: Sebenarnya patut diucapkan dalam masa yang diuntukkan satu hari untuk membahas polisi. Kalau sedikit tak apalah.

Tuan Embong bin Yahya: Jadi saya harap pihak Majlis Tempatan dan Menteri yang berkenaan dapat mengawal lebih ketat dan rapat lagi menghantar pegawai daripada pusat, turun sendiri pergi melihat bagaimana Majlis Tempatan itu ditadbirkan, melihat bagaimana keadaan kesihatan di situ. Kalau kita tegur berkenaan parit, mereka kata Jabatan Parit dan Taliair (J.P.T.) bertanggungjawab, Majlis Tempatan tak ada

kena mengena. Bila ditanya J.P.T, katanya itu kerja Majlis Tempatan. Akhirnya rakyat menderita dengan bau busuk dan sebagainya. Di setengah tempat dekat masjid pun orang tak boleh sembahyang. Di harap pegawai daripada pusat pergi melihat sendiri dengan mata kepala bagaimana Majlis Tempatan ditadbirkan dan bagaimana keadaan kewangan di tempat itu. Perkara ini semoga dapat perhatian daripada Menteri yang berkenaan supaya tidak lagi Majlis Tempatan memberitahu, kami tak ada kuasa.

Dahulu saya pernah bertanya di sini kepada bekas Menteri Kerajaan Tempatan, katanya Kerajaan Tempatan ada kuasa, boleh menghukum dan sebagainya, tetapi bila kita tanya Majlis Tempatan, katanya kami tak ada kuasa macam mana hendak saman orang buang sampah dan orang membuat kotor. Saya harap pentadbiran Majlis Tempatan itu cuba diperbetulkan dari pusat pada masa akan datang.

6.10 *ptg.*

Tuan Chin Hon Ngian: Tuan Pengerusi, saya juga menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian ini tetapi saya hendak menimbulkan perkara di kawasan saya iaitu ada satu Majlis Daerah Kulai yang baru ditubuhkan pada 1hb Januari tahun ini dan saya diberitahu bahawa Kementerian Kerajaan Tempatan telah berjanji memberi \$1,300,000 sebagai "Launching Grant" untuk Majlis Daerah Kulai ini bagi tahun yang pertama iaitu tahun 1976 tetapi sehingga sekarang telah 6 bulan, 7 bulan berlalu, wangnya belum sampai lagi, barangkali Yang Berhormat Menteri akan mengambil perhatian atas perkara ini.

6.11 *ptg.*

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan ulasan-ulasan kepada peruntukan yang diminta ini.

Pertama sukaiah saya menjawab sedikit berkenaan dengan apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap masalah bangunan yang dikatakan telah diluluskan peruntukannya pada masa yang lalu tetapi sehingga hari ini belum didirikan bangunan ini. Yang sebenarnya, Tuan Pengerusi, masalah yang masih dihadapi dan belum dapat diselesaikan oleh Kementerian ini ialah masalah tapak yang

sesuai bagi tempat bangunan ini. Ada pada mulanya pihak Kementerian ini telahpun memohon beberapa tapak tetapi tapak-tapak yang telah ditawarkan itu kurang sesuai dan rundingan-rundingan masih dijalankan dengan Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan ini untuk mendapatkan tapak yang benar-benar sesuai untuk orang ramai.

Berkenaan dengan supaya Perpustakaan Negara ini sentiasa menambah bahan-bahan bacaan yang sesuai, ini memanglah menjadi amalan dan menjadi satu hasrat Kementerian ini.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, mengenai apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, sukaiah saya menjelaskan di sini secara umum sahaja iaitu rancangan menyusun semula Kerajaan-kerajaan Tempatan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976 ini ialah satu perkara yang telah diluluskan dalam Majlis Negara bagi Kerajaan-kerajaan Tempatan di mana Majlis Negara ini dianggotai oleh Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar dan juga Ketua-ketua Menteri dan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan ini telah berlaku sebelum saya mengambilalih lama dahulu di negara kita iaitu Majlis ini telahpun memutuskan bahawa pada akhirnya seluruh negara kita akan dimasukkan, dilingkungan di dalam Penguasa-penguasa Tempatan demi untuk menjadikan daerah-daerah, kawasan-kawasan Penguasa Tempatan ini berjalan dengan rapi dan teratur.

Mengenai apa yang telah dijalankan di Pulau Pinang dan Seberang Prai, apa yang saya maklum sebenarnya apa yang dijalankan sekarang ini ialah berdasarkan bukan berasaskan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 tetapi ialah berdasarkan peruntukan Undang-undang (Peruntukan Sementara), 1973—penyusunan semula Kerajaan-kerajaan Tempatan. Saya faham apa yang telah dialami oleh penduduk-penduduk Pulau Pinang dan Seberang Prai dan sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum, saya baru sahaja mengadakan kunjungan rasmi ke Pulau Pinang mempelajari masalah-masalah dan rungutan-rungutan yang timbul daripada dekat. Saya suka memaklumkan di sini bahawa saya telahpun mengadakan rundingan-rundingan dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang yang mempunyai kuasa yang mutlak di atas

L.P.K.T. Pulau Pinang dan Seberang Prai. Saya tidak hendak mengumumkan butir-butir perbincangan itu, tetapi suka-lah juga saya menyatakan di sini bahawa saya sendiri sedang mengkaji pandangan-pandangan yang telah dikemukakan kepada saya untuk memberikan kelonggaran-kelonggaran yang sesuai bagi mereka yang duduk dalam L.P.K.T. dan saya harap kelonggaran-kelonggaran ini akan dapat diberikan, bukan sahaja kepada penduduk-penduduk di kawasan Penguasa Tempatan Pulau Pinang dan Seberang Prai, tetapi juga dalam daerah-daerah Penguasa Tempatan yang lainnya.

Mengenai apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor saya akan mengkaji masalah-masalah itu dan apa yang saya tahu Jabatan Cetak kita juga telahpun sentiasa berusaha untuk memodenkan teknik-teknik dan juga meninggikan lagi mutu pekerjaan Jabatan-jabatan Cetak Kerajaan kita.

Mengenai apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Ledang mengenai adanya pentadbiran Penguasa-penguasa Tempatan yang seolah-olah terbiar dan tidak terkawal, saya maklum perkara ini dan itulah salah satu daripada maksud ataupun tujuan yang besar untuk melaksanakan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 menyusun semula Kerajaan-kerajaan Tempatan kita dan Penguasa-penguasa Tempatan kita ialah hendak menjadikan pentadbiran Penguasa-penguasa Tempatan kita ini lebih teratur, lebih rapi dan lebih sempurna pada masa-masa yang akan datang supaya ia benar-benar boleh memberikan faedah yang sewajar-wajarnya kepada penduduk-penduduk di dalam kawasan Tempatan.

Mengenai apa yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rengam, apa yang saya tahu bahawa Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan belumlah membuat apa-apa perjanjian, apa lagi dengan menentukan kadar-kadar bantuan itu untuk melaksanakan apa yang dikatakan sebagai "Launching Grant" (Bantuan Pelancaran Penyusunan Semula). Saya telah menyatakan perkara ini dalam beberapa perjumpaan yang saya hadir dan di Johor Bahru juga baru-baru ini saya telah menyatakan bahawa Kementerian saya telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa menimbangkan bantuan-bantuan kewangan yang

dapat diberikan untuk melancarkan penyusunan semula Majlis-majlis Tempatan dan juga Penguasa-penguasa Tempatan yang lainnya. Jawatankuasa ini yang dipengerusikan oleh seorang Menteri sedang menyiapkan laporannya dan laporannya ini apabila disiapkan, apabila sudah saya kajikan saya akan mengemukakannya kepada Kabinet untuk diminta persetujuan. Saya rasa sudah itulah kalau sekiranya ada bantuan-bantuan untuk melancarkan pelancaran penyusunan semula ini barulah bantuan-bantuan itu dapat diberikan pada masa itu. Dan seterusnya, Tuan Pengerusi, lain-lain cadangan dan teguran yang telah dikemukakan kepada Kementerian ini saya akan mengkaji dan menimbangkannya semula dan saya kemukakan permohonan tambahan ini.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$134,631 untuk Kepala B. 49 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak \$10 untuk Kepala B. 49 dan \$173,480 untuk Kepala B. 52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

*Kepala B. 64 dan B. 65 (Jadual Kedua)—
6.20 ptg.*

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Pengerusi, saya mohon izin supaya perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam bagi tahun 1976 di bawah Kepala B. 64 dan Kepala B. 65 berjumlah sebanyak \$85,450 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual Anggaran Belanja Mengurus Tambahan 1976.

Semua butir-butir perbelanjaan yang diperlukan adalah seperti yang terkandung di dalam Kertas Perintah 19/1976 muka surat 24 dan 25.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

6.21 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Tuan Pengerusi, sekali lagi saya bangun menyokong peruntukan tambahan Kepala B. 64, Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam di bawah Pecahan-kepala

1100 (2) Rekabentuk dan Peyenggaraan Jalanraya-jalanraya, jambatan-jambatan dan padang-padang terbang.

Sekali lagi kawasan saya terlibat dalam pembangunan lapangan terbang ini. Kali ini bukan sekolah tetapi penutupan jalanraya, sebuah jalanraya menyambungkan kawasan penduduk yang lebih kurang berjumlah 8,000 orang. Jalanraya ini menyambungkan pekan kecil Batu Maung dengan Bandaraya Georgetown telah ditutup kerana projek memanjangkan landasan lapangan terbang di Pulau Pinang. Apabila jalan ini ditutup maka kesusahan sangat terasa kepada penduduk-penduduk yang berkenaan.

Perkara ini saya sudah sedar daripada mula lagi apabila projek lapangan terbang ini hendak dimulakan maka saya telah memberitahu kepada Menteri yang berkenaan apabila landasan ini dipanjangkan dan jalan ini terpaksa ditutup, pihak Kementerian patutlah membuat satu jalan lain, satu jalan baru supaya penduduk-penduduk daripada pekan kecil Batu Maung tadi dapat keluar ke bandar dan dapat kemudahan-kemudahan seperti biasa. Tetapi pihak Kerajaan Pusat kata ini tanggungan Kerajaan Negeri. Kerajaan Pusat tidak mahu mengeluarkan wang satu sen pun untuk membuat jalan baru kerana penutupan jalan lama tadi. Bila pergi kepada Kerajaan Negeri; Kerajaan Negeri pula kata projek lapangan terbang ini dipunyai oleh Kerajaan Pusat. Maka Kerajaan Pusatlah patut menampung belanja membuat jalan baru. Jadi gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati ditengah-tengah. Rakyat yang menderita. Rakyat di kawasan ini bukan sahaja menderita kerana jalannya ditutup. Mula-mula mereka ini menderita kerana terpaksa pindah. Maki hamun ini kena kepada wakil rakyat. Pindah itu. Tuan Pengerusi, bukanlah kita dapat memindah macam kita ubah pasu bunga dan sebagainya, tetapi hendak ubah penduduk yang duduk di situ beratus tahun. Kerajaan terpaksa kena bawa pasukan Polis F.R.U. pergi ke rumah itu, baru penduduk tadi mahu pindah. Ini satu perkara yang sangat sedih terjadi kepada penduduk-penduduk yang terlibat dalam kawasan lapangan terbang ini. Akhirnya, berpindahlah juga penduduk-penduduk dari tempat-tempat itu. Sudah pindah jalannya pula ditutup, tidak dibuat jalan baru. Dibuat batas ban sahaja tepi laut. Macam-mana orang-orang hendak lalu? Batas ban, motokar, basikal hendak lalu sampai hari ini

jalan itu sudah ditutup mulai 1hb Julai. Nasib baik saya tidak ada di kawasan itu. Kalau saya ada di tempat saya sendiri hari ini, boleh kata hari-hari orang datang memaki. Kenapa jalan tidak dibuka lagi?

Ada satu lagi jalan keluar daripada pekan Batu Maung ke Georgetown tetapi terpaksa pergi 6 batu hendak keluar daripada kawasan Batu Maung tadi. Pergi ikut satu jalan lain pula 6 batu. Sempit pula jalan itu, hari-hari berlaku pelanggaran. Sebab di jalan yang kecil yang lebar lebih kurang 12 kaki sahaja, hari-hari lebih kurang 2,000 kenderaan yang melalui jalan yang saya kata kecil tadi. Ada juga barangkali dalam Dewan ini orang kita tertanya-tanya mana dia 2,000 kenderaan itu. Yang pertama, kenderaan penduduk-penduduk yang berjumlah 8,000 tadi. Sebab di situ banyak pekerja-pekerja kilang yang duduk menumpang di rumah-rumah di kawasan itu. Jadi banyaklah perkhidmatan bas kilang. Bas ini berjalan siang malam daripada pukul 6.00 pagi sampai esok 6.00 pagi sebab kilang tadi dia ada tiga shift, sentiasa berjalan. Jadi jalan yang kecil tadi ini bertambah kecil dan biasa berlaku bas sama bas berlaga. Saya sendiri tengok. Sebuah ambulan datang tidak cukup. Enam buah ambulan datang baru cukup bawa orang yang cedera. Ini berlaku. Tetapi bila kita lapurkan kepada Kementerian minta Menteri yang berkenaan datang, tengoklah, cara jalan keluar macam mana hendak buat untuk menyelesaikan masalah ini. Tetapi sampai kehari ini dukacita, tindakan tidak diambil.

Jadi kesimpulannya begini. Kita utamakan para pelancung dengan membesarkan lapangan terbang Bayan Lepas itu kerana hendak beri kemudahan-kemudahan kepada pelancung-pelancung. Nasib rakyat di kawasan itu kita korbankan. Sudahlah mereka berkorban, tapak rumah kena pindah dan sebagainya, jalan pula tidak dibuat. Mata pencarian yang dahulunya mereka tanam padi, tanam sayur, bela babi, habis. Beri kawasan yang ukurannya 50×70 kaki. Apa hendak ditanam? Ini masalaahnya. Sudahlah rakyat di situ sanggup berkorban kerana lapangan terbang; kerana kepentingan negeri dan negara. Tetapi pihak Kerajaan hendaklah memandang pula kemudahan yang patut diberi kepada rakyat. Jadi lagi sekali saya berharap sangat-sangat kepada Kementerian Kerjaraya, Timbalan Menteri yang kawasan Parlimennya ada di negeri

Pulau Pinang; harap dapat pergi, pergi tengok kesusahan, penderitaan yang ditanggung oleh penduduk-penduduk di kawasan itu. Dan saya harap perkara ini janganlah kita tarik menarik atau tarik tali di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat. Kerajaan Pusat patutlah berunding dengan Kerajaan Negeri berkongsi membuat satu jalan baru supaya kita dapat melegakan kesusahan dan penderitaan yang ditanggung oleh penduduk-penduduk kawasan yang terlibat kerana mereka ini sudah sanggup berkorban kerana negara.

6.28 p/g.

Tuan Embong bin Yahya: Tuan Pengerusi, dalam menyokong peruntukan B. 65 dan B. 64, Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, saya suka membuat teguran sedikit. Ini pun bersangkutan dengan pentadbiran Kementerian ini terutama sekali Jurutera-jurutera. Apa yang berlaku di kawasan saya pada masa ini ialah terbengkalai pembinaan Dewan Tangkak yang diberi peruntukan oleh Jabatan Perdana Menteri \$100,000 dan Negeri \$100,000. Apa yang menyedihkan hingga hari ini terbengkalai dengan sebab perselisihan faham di antara akitek dengan kontraktor. Apabila berlaku anjung itu roboh, perkara ini amat kecil. Tetapi jurutera tidak dapat hendak selesaikan perkara ini yang melibatkan \$200,000 wang Kerajaan tertangguh-tangguh dari seminggu-keseminggu. Pihak akitek menyalahkan kontraktor kerana simen, kerana besi. Kontraktor menyalahkan pelan akitek. Tetapi benda itu diluluskan oleh akitek Kerajaan. Apabila dibuat roboh. Sudahlah roboh dibuat balik disuruh roboh lagi. Akitek tidak setuju. Tetapi perbelanjaan itu tidak dibayar oleh kedua-dua belah pihak. Saya minta Kerajaan Pusat campur tangan. Rakyat melihat bangunan yang begitu mahal terbengkalai, apa hendak jadi. Sekiranya jurutera pusat tidak campur tangan saya ingat perkara ini harus berlarutan dan merugikan wang Kerajaan beratus ribu ringgit.

Yang kedua, berkenaan dengan jambatan di satu kampung di Sawah Ring, Bukit Gambir sampai lima tahun tidak siap. Jambatan 30 kaki. Kontraktor lari. Seolah-olah kita tidak ada kuasa. Satu kontraktor yang buat jambatan lari tidak boleh hendak panggil. Tidak boleh betulkan. Tidak boleh hendak panggil tender semula. Apabila kita kata kenapa tidak dipanggil tender semula? Oh! masa kontraktor belum habis. Sampai lima tahun belum habis buat jambatan 30 kaki? Adakah ini satu perkara yang menasabah? Terbiar macam itu. Ada jadi engineer di negeri. Apa jadi wang Kerajaan yang sudah habis. Apa jadi dengan kontraktor yang lari. Apa jadi dengan jambatan yang begitu susah orang hendak lalu; begitu merbahaya sekali?

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup. Tamatkan.

Tuan Embong bin Yahya: Ini memang hendak ditamatkan.

Tuan Pengerusi: Di bawah Kepala ini yang sebenarnya saya suka mengingatkan pada masa dibuka untuk satu hari perbincangan umum, seorang pun tidak bangun bercakap. Semua dicurahkan di dalam jawatankuasa. Saya longgarkan sedikit tadi, kalau tidak, tidak ada perbincangan sangat nampaknya. Saya biarkan juga. Tetapi jangan melarat sangat. Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab pada hari esok?

Dr Goh Cheng Teik: Ya.

Tuan Pengerusi: Esok Yang Berhormat Timbalan Menteri akan jawab. Jadi, ertinya tidak ada siapa lagi yang bercakap mengenai Kementerian ini.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, Khamis, 8hb. Julai, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.31 petang.